SELANGOR KINI

PERCUMA EDISI 1 - 7 Oktober 2020, 13 - 19 Safar 1442

Rebut Peluang!

PAMERAN KERJAYA
3 - 4 Oktober 2020
SACC, Shah Alam

3,000 belia sertai RiDE akhir Oktober
MUKA 2

Negeri ganti 1,177 hektar hutan simpan
MUKA 4

Sultan serah 21 watikah jawatan Mahkamah Syariah
MUKA 5

Diburu ceti, usahawan bangkit dari derita
MUKA 17

Negeri serius tangani isu cemar sumber air

Denda RM1 juta, penjara tiga tahun

OLEH **NORRASYIDAH ARSHAD**

SUBANG JAYA - Individu yang didapati bersalah mencemar sumber air di Selangor berdepan hukuman lebih berat, denda sehingga RM1 juta dan penjara tiga tahun.

Pindaan hukuman bawah Seksyen 79 Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (Luas) 1999 akan dibentang dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada November ini, kata Dato' Menteri Besar.

"Denda RM100,000 akan dipinda kepada nilai tidak kurang RM200,000 dan tidak lebih RM1 juta serta boleh dipenjarakan tidak lebih tiga tahun," kata Dato' Seri Amirudin Shari ketika sambutan Hari Sungai Sedunia peringkat negeri pada 26 September.

Seksyen itu sebelum ini memperuntukkan denda maksimum RM100,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya jika didapati bersalah.

Teks ucapan beliau dibacakan EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim di USJ River Front di sini ketika majlis pelancaran serentak program Friends of River. Turut hadir Pengarah Luas, Dato' Ir Hashim Osman.

Menegaskan Kerajaan Negeri memandang serius isu pencemaran sungai, Amirudin berkata Luas turut menambah baik Enakmen Luas meliputi keseluruhan pengurusan sumber air.

Katanya, Skuad Pantas juga ditubuhkan bagi mengawal 24 jam kawasan sensitif sumber air di lembangan Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang.

Beliau berkata penubuhan itu kesinambungan Ops Sumber Air yang disertai pelbagai agensi sejak Mac hingga kini bagi memperketat kawalan dan penguatkuasaan.

"Sebanyak tujuh insiden pencemaran yang berpotensi menyebabkan henti tugas Loji Pembersihan Air (kod kuning) dan gangguan bekalan air dapat dikekang melalui Ops Sumber Air," katanya.

BERITA BERKAITAN MUKA 2 & 3

Ir Izham Hashim (tengah) memotong riben simbolik pembukaan Persiaran Shorea di Seksyen U15, Shah Alam pada 28 September 2020. Foto Oleh Asri Sapfie

Persiaran Shorea beri manfaat lebih 20,000 penduduk

SHAH ALAM - Persiaran Shorea di City of Elmina dekat sini yang dibuka secara rasmi pada 29 September memberi kelegaan kepada lebih 20,000 penduduk setempat yang mengalami kesesakan.

Pengarah urusan kumpulan pemaju kawasan berkenaan Sime Darby Property berkata pengguna dari Taman Saujana Utama dapat menjimatkan masa perjalanan ke Lebuhraya Koridor Guthrie.

"Di samping membantu penyuraian trafik, jalan ini berupaya menjimatkan masa sebanyak 20 minit bagi penduduk Elmina Green yang mahu ke Elmina Central Park," kata Datuk Azmir Merican pada majlis perasmian jalan tersebut pada 28 September.

Beliau berkata persiaran itu juga membantu perjalanan dari City of Elmina ke Lebuhraya Damansara-Shah Alam (DASH) yang dijadual siap akhir tahun ini.

Laluan sepanjang 4.43km bermula di Taman Saujana Utama hingga ke Pusat Bandar Elmina.

Majlis perasmian disempurnakan EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam Ir Izham Hashim.

Ia turut disertai EXCO Pembangunan Generasi Muda dan Sukan Mohd Khairuddin Othman, Datuk Bandar Shah Alam Datuk Haris Kasim, Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property Berhad Dato' Azmir Merican dan Ahli Parlimen Sungai Buloh R Sivarasa.

Pembinaan persiaran dengan kos RM60 juta siap sepenuhnya tahun lalu tetapi pembukaannya tergendala berikutan masalah haiwan ternakan berkeliaran di kawasan itu.

BERITA BERKAITAN MUKA 5

EDARAN DIGITAL SELANGOR KINI

Kadar jangkitan di Selangor tinggi

KUALA LUMPUR - Selangor mencatatkan kadar kebolehjangkitan (Rt) 1.95 lebih tinggi daripada Sabah, berikutan peningkatan dalam jumlah kes harian daripada dua hingga tiga kes kepada 10 ke 15 kes pada 29 September.

RT menunjukkan kadar secepat mana penularan COVID-19 merebak.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata ia mengambil kira magnitud perubahan dan menunjukkan peningkatan risiko wabak yang lebih besar di negeri itu, sekiranya langkah-langkah pencegahan kesihatan awam tidak diambil.

"Nilai Rt di Sabah telah stabil walaupun masih berada pada tahap 1.29 semalam (29 September). Keadaan ini masih merisaukan kerana ia melibatkan bilang kes-kes baharu yang tinggi.

"Nilai Rt mungkin akan meningkat, jika kita tidak mengambil langkah-langkah intervensi kesihatan awam yang optima," katanya pada 30 September. – BERNAMA

Tubuh jawatankuasa pulih sungai

SUBANG JAYA - Satu jawatankuasa khas ditubuhkan bagi merancang dan memantau program pemuliharaaan sungai di negeri ini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata Jawatankuasa Pelaksanaan Pemuliharaan Sungai Negeri Selangor kendalian Lembaga Urus Air Selangor (Luas) merangkumi dasar dan strategi.

"Strategi pertama menyentuh pembangunan fizikal sungai seperti menaik taraf struktur tebing, lanskap dan pusat maklumat manakala strategi kedua berkenaan peningkatan kebersihan rizab serta kualiti sungai," katanya pada 26 September.

Kerajaan Negeri turut mengkaji insentif kepada pemberi maklumat kes pencemaran atau kegiatan berisiko yang mengundang masalah air.

Kolam takungan rawat air tercemar

SHAH ALAM - Kolam takungan banjir di Sungai Gong, Gombak akan dijadikan lokasi pembendung pencemaran air, kata EXCO infrastruktur.

Ir Izham Hashim berkata air yang tercemar akan dibendung dan dirawat di lokasi berkenaan sebelum dialirkan semula ke laluan Sungai Sembah.

"Cadangan ini akan diluluskan segera kerana kita tidak mahu timbul lagi isu pencemaran hingga beri masalah besar. Kolam itu seluas 6.07 hektar. Kita bercadang tambah 4.04 hektar lagi untuk itu," katanya pada 27 September.

Beliau turut menjelaskan kaedah merawat air tercemar juga sedang dikaji supaya kebersihan sumber bekalan terjamin sebelum ia disalur kepada pengguna.

Portfolio ditentukan dalam masa terdekat

EXCO baharu angkat sumpah kerahsiaan

Borhan

Mohd Zawawi

OLEH **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri (ADN) Tanjung Sepat, Borhan Aman Shah dan Sungai Kandis, Mohd Zawawi Ahmad Mughni yang baharu dilantik sebagai EXCO Kerajaan Negeri mengangkat sumpah kerahsiaan pada 30 September.

Majlis di bilik mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES) berlangsung secara maya di hadapan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Bagaimanapun, portfolio dua exco baharu tersebut belum diputuskan lagi. Mereka mengangkat sumpah jawatan dan menerima surat cara pelantikan di depan Sultan Selangor dua minggu lalu.

Amirudin, walau didapati negatif virus Covid-19, menjalani kuarantin di kediaman rasmi sehingga 4 Oktober setelah pulang dari Sabah.

Beliau dijangka mengadakan rombakan kecil portfolio EXCO tidak lama lagi.

Borhan dan Mohd Zawawi menggantikan Datuk Abdul Rashid Asari dan Haniza Mohamed Talha yang tidak lagi mewakili parti Kerajaan Negeri susulan perubahan politik nasional awal tahun ini.

Abdul Rashid, ADN Selat Klang, sebelum ini memegang jawatan EXCO kebudayaan, pelancongan, peradaban Melayu dan warisan.

Manakala Haniza (ADN Lembah Jaya), yang dipecat daripada Parti Keadilan Rakyat pada Jun lalu, memimpin portfolio perumahan dan kehidupan bandar.

30 kumpulan pantau sumber air

SUBANG JAYA - Kerajaan Negeri melancarkan 30 kumpulan Friends of River (FoR) bagi menanam sikap bertanggungjawab masyarakat terhadap sungai.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata FoR memberi tumpuan kepada usaha pemuliharaan 30 sungai di negeri ini.

"FoR bertindak sebagai mata dan telinga pihak berkuasa dalam memantau sebarang aktiviti melibatkan sungai dan sumber air.

"Saya percaya jumlah ini akan bertambah lebih banyak secara berperingkat," katanya sempena sambutan Hari Sungai Sedunia pada 26 September. Teks ucapan itu dibacakan EXCO Infrastruktur, Ir Izham Hashim.

Amirudin juga berkata sebanyak RM1 juta diperuntukkan tahun depan bagi mengembangkan pelaksanaan FoR sekali gus memelihara sumber air.

"Kerajaan Negeri mengedarkan kit pemantau kualiti air sungai kepada semua FoR secara berperingkat.

"Kita harapkan setiap FoR melaksanakan aktiviti secara konsisten dan berterusan, contohnya gotong-royong sungai seminggu sekali atau dua kali sebulan," katanya.

Luas guna dron jejak pencemaran

SUBANG JAYA - Lembaga Urus Air Selangor (Luas) menggunakan dron untuk memantau sumber air bagi memastikan tiada pencerobohan dan pencemaran.

EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam Ir Izham Hashim berkata teknologi itu juga boleh mengambil sampel air dan memberi amaran awal jika mengesan sebarang kegiatan mencurigakan, lapor Sinar Harian.

Katanya, projek perintis itu membuktikan Kerajaan Negeri serius menangani isu pencemaran sumber air selain menubuhkan Skuad Pantas yang memantau lembangan Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang.

"Op Sumber Air dilaksana oleh Luas sejak Mac berjaya mengelak tujuh insiden pencemaran yang boleh menyebabkan henti tugas LRA (Loji Rawatan Air) dan gangguan bekalan air," kata beliau.

EDARAN DIGITAL SELANGOR

#welovePJ
14 SEPTEMBER – 11 OKTOBER 2020

Bantu belia jana pendapatan

3,000 sertai RiDE akhir Oktober

OLEH **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri yakin mencapai sasaran untuk mengumpul 3,000 peserta Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) sebelum 31 Oktober ini.

EXCO Pembangunan Generasi Muda Mohd Khairuddin Othman berkata pihaknya menerima sambutan menggalakkan daripada golongan belia yang mahu menjana pendapatan.

"Justeru, saya mempelawa mereka yang berminat untuk membuat permohonan selagi kita masih ada peruntukan untuk menjayakan program ini.

"Kita berharap supaya mereka tidak mensia-siakan peluang yang disediakan bagi membantu meningkatkan ekonomi masing-masing," katanya.

RiDE menyasarkan 3,000 belia miskin bandar mendapat subsidi lesen motosikal B2 berjumlah RM350, selain berpeluang mengikuti kursus e-panggilan bernilai RM200 dan menikmati caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial berjumlah RM70 setahun.

Pemohon perlu mendapatkan pengesahan pemastautin tetap melebihi 10 tahun di Selangor menerusi pejabat wakil rakyat dan menghantar borang ke pejabat Majlis Sukan Negeri.

Mereka mesti berumur 17 hingga 30 tahun, berpendapatan bawah RM2,000 dan memiliki lesen motosikal B2 sejak Januari tahun ini.

Inisiatif boleh dipohon menerusi pautan http://msnselangor.gov.my

Justeru, saya mempelawa mereka yang berminat untuk membuat permohonan selagi kita masih ada peruntukan untuk menjayakan program ini

KHAIRUDDIN OTHMAN
EXCO Pembangunan Generasi Muda

MB pengerusikan mesyuarat maya

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar memulakan tugas dari rumah dengan mempengerusikan mesyuarat EXCO secara maya pada 30 September lalu kerana masih menjalani kuarantin.

Dato' Seri Amirudin Shari melalui Facebook memaklumkan pentadbiran negeri berjalan seperti biasa dan disesuaikan dengan norma baharu.

"Mesyuarat disertai dua EXCO baharu Borhan Aman Shah dan Mohd Zawawi Ahmad Mughni yang telah mengangkat sumpah sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)," tulisnya.

Setelah pulang dari Sabah, Amirudin menjalani kuarantin di kediaman rasmi tetapi keputusan saringan pada 29 September menunjukkan beliau negatif, namun mengambil keputusan untuk bertugas dari rumah beberapa hari lagi.

Pejabat Dato' Menteri Besar menyatakan beliau akan memimpin mesyuarat pentadbiran negeri secara dalam talian sehingga 4 Oktober.

Kenyataan itu juga memaklumkan sebarang program beliau yang membabitkan orang ramai akan diwakilkan kepada EXCO berkenaan.

Beliau juga akan menjalani saringan Covid-19 secara berkala untuk memastikan dirinya bebas jangkitan sebelum kembali bertugas.

Amirudin berada di Sabah sejak 22 September lalu bagi membantu jentera Pakatan Harapan menghadapi pilihan raya negeri itu.



Amirudin mempengerusikan mesyuarat EXCO secara dalam talian di kediaman rasminya pada 30 September

Bekalan air cukup hingga 2065

SUBANG JAYA - Bekalan air untuk kegunaan domestik dan perindustrian di Selangor mencukupi hingga 2065, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata jaminan itu selaras pembangunan sistem bekalan air bagi mempertingkatkan sumber melalui projek takungan Sistem Peningkatan Hibrid Pinggir Sungai (HORAS) 3000 dan Sungai Rasau.

"Ini hasil kajian dilakukan Kerajaan Selangor berhubung sumber, bekalan dan agihan air negeri ini. Pembangunan bekalan air ini akan melibatkan kos tinggi.

"Hingga Ogos lalu, semua empangan mencatat kapasiti takungan air melebihi 95 peratus ekoran taburan hujan tinggi di kawasan tadahan," katanya pada 26 September lalu.

Amirudin berkata peratusan kapasiti yang tinggi mampu menampung bekalan air mentah muka sauk loji pembersihan sepanjang tiga bulan jika tiada hujan.

"Status semasa ini menunjukkan Selangor ada sumber mencukupi untuk kegunaan rakyat, namun insiden pencemaran berlaku seperti baru-baru ini menyebabkan gangguan bekalan air terawat tidak berjadual," katanya.

Pelancong tempatan pilih Selangor

SHAH ALAM - Selangor mencatatkan jumlah kedatangan pelancong tempatan paling tinggi iaitu 33.6 juta pelawat pada tahun lalu, menurut Survei Pelancongan Domestik Mengikut Negeri 2019 yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kuala Lumpur pula merekodkan 22.6 juta pelawat, Sabah (22 juta), Perak (21.1 juta) dan Sarawak (19.8 juta).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata Selangor turut mencatatkan terimaan perbelanjaan tertinggi RM15.5 bilion, diikuti Kuala Lumpur (RM12.1 bilion), Sarawak (8.7 bilion) dan Perak (RM7.8 bilion).

"Kelima-lima negeri ini menyumbang sebanyak 50.6 peratus daripada jumlah terimaan pelancong domestik," katanya pada 30 September.

Agenda bandar rendah karbon dipuji

KLANG - Kerajaan Negeri berbangga dengan usaha Majlis Perbandaran Klang (MPK) untuk menjayakan agenda Klang sebagai Bandar Rendah Karbon (LCC) menjelang 2027.

EXCO kerajaan tempatan berkata usaha berkenaan perlu sokongan semua pihak untuk memainkan peranan masing-masing bagi menikmati kehidupan selesa.

"Pembangunan perbandaran di daerah Klang yang semakin pesat telah memberikan kesan besar kepada masyarakat dan alam sekitar.

"Untuk itu, semua pihak perlu memainkan peranan bagi memastikan cabaran yang wujud dapat diatasi bersama," kata Ng Sze Han pada 29 September.

Beliau mengucapkan tahniah kepada MPK atas kejayaan sepanjang pelaksanaan LCC selain usaha menambah laluan Bas Smart Selangor bagi mengurangkan pembebasan karbon.

Tarik balik 5,000 kompaun parkir

SHAH ALAM - Kira-kira 5,000 pengguna Smart Selangor Parking (SSP) menuntut bayaran balik kompaun yang dikenakan terhadap mereka susulan gangguan sistem pada 21 September.

EXCO Kerajaan Tempatan Ng Sze Han berkata pengendalinya mengambil tanggungjawab penuh dengan membayar semula kompaun tempat letak kereta yang dikenakan terhadap pengguna susulan gangguan sistem tersebut," katanya.

Pengguna boleh menghubungi SSP melalui e-mel support@lits.com.my atau talian 1700-819-612 untuk tuntutan bayaran sepanjang tempoh gangguan sistem.

EDARAN DIGITAL SELANGOR

Mampu capai sasaran 32 peratus

KUALA LANGAT - Selangor di landasan tepat mencapai sasaran 32 peratus keluasan negeri ini diliputi kawasan berhutan seperti digariskan dalam Rancangan Struktur Negeri 2035, kata EXCO alam sekitar.

Hee Loy Sian berkata hutan simpan kini berkeluasan 250,207.39 hektar bersamaan 31.6 peratus dan pada masa sama pihak berkuasa meluluskan 564.43 hektar untuk diwartakan sebagai hutan simpan kekal di bawah Seksyen 10 Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985.

"Bagi merealisasikan hasrat mengekal dan meningkatkan kawasan hutan simpan kekal, Kerajaan Negeri telah mensyaratkan supaya mana-mana kawasan hutan simpan kekal yang ingin dikeluarkan perlu diganti dengan satu kawasan lain yang setara nilai atau lebih.

"Proses penggantian juga perlu berlaku serentak dengan pengeluaran kawasan hutan simpan kekal terlibat," katanya pada 28 September.

Loy Sian berkata langkah itu dapat memastikan kawasan hutan tidak berkurangan dan memastikan kelestarian dimanfaatkan dari aspek ekonomi, sosial serta alam sekitar.

"Selangor sebagai negeri maju yang menyumbang lebih 20 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tidak terkecuali untuk memberi komitmen ke atas usaha perlindungan dan pemeliharaan hutan," katanya.



Majukan kawasan Kuala Langat Utara

Negeri ganti 1,177 hektar hutan simpan

OLEH **NADIAH ZAMLUS**

KUALA LANGAT - Selangor menyediakan 1,177.31 hektar tanah sekiranya cadangan untuk memajukan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) dilaksanakan.

EXCO Alam Sekitar Hee Loy Sian berkata penggantian melibatkan Hutan Simpan Sungai Panjang, Sabak Bernam seluas 308.6 hektar, Hutan Simpan Sabak Bernam seluas 606.8 hektar dan hutan di Ampang Pechah, Hulu Selangor.

"Kesemua hutan yang diganti ini sudah mendapat kelulusan menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 31 Januari lalu.

"Selain itu, Kerajaan Negeri pada ketika ini turut mempertimbangkan untuk meluluskan sebahagian lagi kawasan penggantian iaitu di Ampang Pechah, Mukim Buloh Telor, Hulu Selangor seluas 190.2 hektar, ia berpotensi menjadi hutan simpan kekal kerana kepelbagaian biodiversiti tinggi," katanya pada 28 September.

Terdahulu, beliau menghadiri Sesi Pendengaran Awam Cadangan Pemansuhan Hutan Simpan Kuala Langat, Mukim Tanjung Dua Belas di Amverton Resort Pulau Carey.

Loy Sian berkata negeri ini sentiasa mengamalkan prinsip dan dasar terbuka untuk menerima bantahan bagi pertimbangan daripada aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar.

"Justeru, sesi pendengaran awam ini diadakan bagi meneruskan proses penyiasatan awam ke atas cadangan pemansuhan Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan saya memohon supaya mereka yang mengemukakan bantahan menggunakan platform ini secara berhemah dan profesional," katanya.

Hutan simpan itu diwartakan pada 13 Mei 1927 dengan keluasan asal 7,247 hektar tetapi kini keluasannya tinggal 957.6 hektar dan dikelilingi pelbagai pembangunan.

HSKLU ingin dibangunkan susulan kemajuan pesat di kawasan sekitarnya, termasuk projek perumahan Saujana Putra, Lebuhraya Elite, ladang Boh Bukit Cheeding dan Gamuda Cove.

Proses penukaran status tanah dibuat mengikut Seksyen 11 (b) Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985 yang membenarkan negeri mengeluarkan kawasan hutan simpan jika mendapati ia ada kegunaan ekonomi yang lebih tinggi.

Kerajaan Selangor bagaimanapun perlu menggantikan hutan simpan kekal di tanah lain yang lebih kurang sama saiznya seperti diperuntukkan dalam Seksyen 12 Akta Perhutanan Negara 1984.

Teliti maklum balas nyahwarta HSKLU

KUALA LANGAT - Kerajaan Negeri menerima pelbagai maklum balas berhubung cadangan menyahwarta Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) yang diumumkan pada Februari lalu.

EXCO alam sekitar berkata maklum balas itu diterima hingga Mac yang meliputi tiga isu utama iaitu alam sekitar, kesan biogeografi flora fauna dan sumber sosio-ekonomi.

Menurut Hee Loy Sian, sebanyak 11,953 maklum balas diterima melalui e-mel dan 3,895 lagi daripada orang perseorangan. Manakala 29,443 sokongan melalui petisyen bantahan dalam talian di portal Change.org.

"Selain orang perseorangan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Institut Arkitek Landskap Malaysia dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia turut mengemukakan bantahan.

"Sementara peringkat komuniti pula melibatkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Orang Asli Bukit Cheeding, MPKK Orang Asli Busut Baru, MPKK Kampung Jenjarom dan Persatuan Penduduk Saujana Putra," katanya pada 28 September.

Terdahulu, beliau menghadiri Sesi Pendengaran Awam Cadangan Pemansuhan Hutan Simpan Kuala Langat, Mukim Tanjung Dua Belas di Amverton Resort Pulau Carey.

Katanya, hari pertama sesi itu melibatkan bantahan individu dan hari kedua pula badan bukan kerajaan (NGO), jabatan kerajaan serta agensi swasta.

"Orang ramai perlu tahu, sesi pendengaran awam ini bukan tempat kita membuat keputusan sebaliknya medan untuk kita mendengar pandangan luar. Kesemua bantahan akan diperhalusi sehingga ke Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri," katanya.

Pertama laksana siasatan awam

KUALA LANGAT - Proses penyiasatan awam untuk menyahwarta sebahagian Hutan Simpan Kuala Langat Utara menjadikan Selangor sebagai negeri pertama melaksanakan kaedah itu dalam memutuskan pemansuhan hutan simpan.

EXCO Alam Sekitar, Hee Loy Sian berkata langkah berkenaan mengukuhkan prinsip ketelusan dan keterbukaan Kerajaan Negeri dalam membuat keputusan melibatkan kepentingan awam termasuk aspek pemeliharaan alam sekitar.

"Saya difahamkan Majlis Tanah Negara ke-77 baru-baru ini (9 September) telah meluluskan pindaan Akta Perhutanan Negara 1984 yang antaranya bertujuan memperketatkan proses pewartaan keluar dan penggantian hutan simpan kekal.

"Pastinya Selangor telah selangkah ke hadapan dalam perkara ini dan buktinya melalui penganjuran sesi pendengaran awam pada hari ini," katanya pada 28 September.

Pada 31 Mac 2011, Dewan Negeri Selangor meluluskan pindaan ke atas Seksyen 11 Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985 yang menetapkan pewartaan kawasan rizab tidak dapat dibatalkan sekiranya satu pendengaran awam tidak dijalankan.

Di bawah Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan, perhutanan dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri.

SELANGOR KINI
SIDANG PENGARANG
PENASIHAT Lembaga Editorial MSSB
PENGARANG KUMPULAN Fathi Aris Omar
KETUA PENGARANG Fazallah Pit
PENGARANG KANAN Nurul Farina Nazlan
PENOLONG PENGARANG Naeem Raffi, Mohd Ezli Mashut, Afeeqa Afeera, Hafizan Taib, Aishah Amin & Norzilawati Sidek

WARTAWAN
Afix Redzuan syafiq@mediaselangor.com,
Nazli Ibrahim nazli@mediaselangor.com,
Khairul Azran Hussin khai@mediaselangor.com
Nadiah Zamlus sitinadiah@mediaselangor.com
Amin Ridzuan Ishak min.ridzuan@mediaselangor.com
Norrasyidah Arshad norrasyidah@mediaselangor.com
Sheeda Fathil sheeda@mediaselangor.com
Zareef Muzammil zareefmuzammil@mediaselangor.com
Aliff Fikri aliff.fikri@mediaselangor.com

JURUGAMBAR Asri Sapfie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof
GRAFIK & REKA LETAK Azwa Malek, Azarina Aziz, Farah Azila Mustapha

JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN
Nadhrah Azlan nadhrah@mediaselangor.com
Syahir Khadri syahir@mediaselangor.com

Aras 11, Menara Bank Rakyat, No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: *info@mediaselangor.com*

EDARAN DIGITAL PERCUMA SELANGOR

#welovePJ
14 SEPTEMBER – 11 OKTOBER 2020

Sultan serah 21 watikah lantikan jawatan Mahkamah Syariah

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menyerahkan 21 watikah pelantikan pelbagai jawatan bagi Mahkamah Syariah negeri ini.

Majlis Agama Islam Selangor (Mais) berkata pelantikan dibuat mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 (EPAINS 2003).

"Empat individu dilantik sebagai panel tetap hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan sembilan hakim Mahkamah Rendah.

"Lantikan juga dibuat untuk dua pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, seorang timbalan pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah, tiga penolong pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Selangor. Dua individu dilantik sebagai wali raja," katanya.

Penyerahan dilaksanakan di Istana Kayangan di sini pada 22 September.

DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj (dua kiri) berkenan mengurniakan watikah pelantikan kepada 21 penerima di Istana Kayangan pada 22 September

Atasi masalah haiwan berkeliaran

Keselamatan pengguna jadi keutamaan

OLEH **AFIX REDZUAN**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memastikan keselamatan pengguna diutamakan sebelum Persiaran Shorea di sini dibuka secara rasmi pada 29 September lalu.

EXCO pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam berkata walaupun jalan berkenaan siap sepenuhnya tahun lalu dengan kos RM60 juta tetapi pembukaannya tergendala kerana masalah hampir 1,000 haiwan ternakan seperti lembu dan kerbau berkeliaran di kawasan ini.

"Kita mengambil sedikit masa untuk menyelesaikannya dan alhamdulillah Persiaran Shorea dapat dibuka serta memberikan manfaat kepada ramai penduduk," kata Ir Izham Hashim selepas melancarkan pembukaan jalan itu di sini pada 28 September.

Beliau menjelaskan Kerajaan Negeri memahami keperluan semua pihak termasuk penternak haiwan yang dipindahkan secara berperingkat dan selesai penghujung November.

Sementara itu, timbalan pengerusi Majlis Permuafakatan Penduduk Zon 8 berkata pembukaan itu dapat menjimatkan masa perjalanan selain menyuraikan aliran trafik terutama waktu puncak.

"Alhamdulillah akhirnya Persiaran Shorea dapat digunakan penduduk setempat. Kita faham berlaku sedikit kelewatan kerana masalah haiwan berkeliaran tetapi kini penduduk boleh menggunakannya," kata Wan Ismail Hashim.

Perintah henti kerja jika kontraktor cuai

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri tidak teragak-agak mengeluarkan notis perintah berhenti kerja jika kontraktor cuai dalam projek pembinaan jalan raya.

EXCO infrastruktur dan kemudahan awam berkata kejadian bahan binaan termasuk menara kren runtuh hingga mengakibatkan nahas tidak boleh berlaku ketika pembinaan atau penyelenggaraan dilakukan.

"Kecuaian pihak kontraktor akan diambil tindakan tegas, urusan Pelan Pengurusan Trafik perlu dipatuhi. Keselamatan pengguna jalan raya sangat penting dan diberi keutamaan.

"Saya menggesa semua pihak mematuhi peraturan keselamatan jalan raya. Mereka perlu pastikan warga kerja dan subkontraktor mematuhi piawaian dan memastikan peralatan dalam keadaan baik," kata Ir Izham Hashim.

Pada 19 September lalu, seorang wanita cedera apabila satu bongkah konkrit pembinaan Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKE) di sini jatuh menghempap kereta yang dinaikinya.

Keesokannya, kereta yang dipandu wanita lain ditimpa besi menara kren yang terjatuh dari treler di Jalan SS2/24 di Petaling Jaya.

Tangguh buka pasar, pantau kes

SHAH ALAM - Beberapa bazar, pasar pagi dan malam di Klang kekal ditutup susulan perkembangan semasa kes Covid-19 di daerah berkenaan.

Setakat 29 September lalu, tiga daripada 15 kes di negeri ini dicatatkan di Klang. Kluster baharu turut dikesan iaitu Kluster Benteng PK membabitkan warga asing tanpa izin.

Yang dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK) berkata pihaknya perlu memantau situasi semasa dalam tempoh dua minggu sebelum membuat sebarang keputusan.

"Buat masa, ini kita tangguhkan dahulu (pembukaan pasar) sebab bila satu kes dikesan, kita perlu pantau dalam tempoh dua minggu," kata Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin pada 29 September

"Kes (di Klang) membabitkan individu pulang dari Sabah dan kita akan minta nasihat Jabatan Kesihatan Negeri serta mengambil pendirian untuk tidak panik."

Team Selangor sedia barang keperluan

SHAH ALAM - Sukarelawan Team Selangor menyediakan 500 pek barangan keperluan untuk penumpang dari Sabah yang menjalani saringan Covid-19 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan klia2.

Dato' Menteri Besar berkata sumbangan diserahkan kepada Malaysia Airports bagi tujuan berkenaan.

"Pek berupa makanan, minuman, pelitup muka dan cecair pembasmi kuman untuk penumpang dari Sabah yang menunggu giliran menjalani ujian," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 29 September.

Sementara itu, Team Selangor berharap usaha mereka sedikit sebanyak membantu penumpang di sana.

Dua pelajar positif Covid-19

SHAH ALAM - Jabatan Kesihatan Negeri Selangor memaklumkan terdapat dua pelajar sebuah sekolah menengah di Pandamaran Jaya, Pelabuhan Klang dikesan positif Covid-19.

Pengarahnya Datuk Dr Sha'ari Ngadiman ketika dihubungi berkata mereka dihantar ke Hospital Sungai Buloh untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Kedua-dua pelajar berkenaan yang juga adik-beradik disyaki berjangkit daripada abang mereka yang mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) Izmi Ismail pula berkata sekolah berkenaan masih meneruskan sesi persekolahan seperti biasa.

Katanya, sebarang tindakan lanjut seperti penutupan sekolah itu sekiranya perlu, adalah berdasarkan nasihat Pejabat Kesihatan Daerah Klang.

EDARAN SELANGOR

Tingkat prasarana, keselamatan

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memberi penekanan untuk meningkatkan kualiti prasana dan keselamatan tahun hadapan seiring matlamat Shah Alam Bandar Raya Pintar.

Datuk bandar berkata antara projek bakal dilaksana ialah pembinaan 30 unit kedai serba guna dan gerai makan di Kampung Baru Subang, Seksyen U6 dengan anggaran peruntukan RM4.5 juta.

"MBSA juga bercadang membina lot kedai dua tingkat di Jalan Pulau Angsa A Seksyen U10 (RM3 juta), gerai di Bandar Baru Sungai Buloh, Seksyen U20 (RM500,000) serta kompleks perniagaan dan tempat letak kereta di Seksyen 17 (RM1 juta).

"Cadangan lain ialah menaik taraf padang bola Seksyen 19 dan membina jejantas di Persiaran Institut di Seksyen 7," kata Dato' Haris Kasim selepas membentangkan Belanjawan MBSA 2021 di Wisma MBSA pada 29 September.

45 kamera badan, jawab provokasi

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) membeli 45 unit kamera badan bagi menjawab isu provokasi dan fitnah terhadap penguat kuasa ketika bertugas.

Datuk Bandar Shah Alam berkata selain untuk rakaman, alat tersebut boleh menghubungkan video secara langsung dengan pusat kawalan ketika operasi untuk dijadikan bahan bukti sekiranya berlaku insiden tidak diingini.

"Setiap kamera badan berharga RM1,000 dan kita sedang mempertimbang untuk menambah bilangannya dan setakat ini seorang daripada pasukan penguat kuasa akan memakainya ketika bertugas.

"Penggunaan alat ini memberi keadilan kepada kedua-dua pihak jika penguat kuasa difitnah ketika bertugas atau orang ramai menjadi mangsa salah guna kuasa," kata Dato' Haris Kasim pada 29 September.

Kerajaan Negeri memberi tempoh sehingga hujung tahun kepada pihak berkuasa tempatan melengkapkan anggota penguat kuasa dengan kamera badan bagi meningkatkan kecekapan dan integriti.

Hujan, ribut petir hingga 3 Oktober

SHAH ALAM - Selangor dijangka mengalami hujan dan ribut petir bermula 27 September sehingga 3 Oktober, demikian menurut Jabatan Metereologi (MetMalaysia).

Keadaan itu dijangka berlaku di Sabak Bernam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak, Kuala Langat, Hulu Langat dan Sepang.

Klang pula tiada hujan pada 30 September dan 1 Oktober tetapi keesokannya kembali hujan dan ribut petir sehingga 3 Oktober.

Giat adakan sesi perkongsian

Invest Selangor tarik pelabur tempatan

ISKANDAR PUTERI - Invest Selangor Bhd, agensi penggalakan pelaburan langsung asing dan domestik bagi Selangor, kini giat mengadakan sesi perkongsian serta jalinan dengan penggiat industri di negara ini sekali gus menarik pelabur tempatan ke negeri berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Hasan Azhari Idris berkata sejajar ketidaktentuan iklim ekonomi akibat pandemik Covid-19, program sedemikian turut menjadi pendekatan baharu dalam menjalin hubungan antara para pemain industri Selangor dan di serata negara ini.

"(Menerusi program itu) Invest Selangor berkongsi inisiatif-inisiatif Kerajaan Negeri Selangor khususnya Hab Perniagaan Selangor (SBH) yang menyediakan platform rangkaian maya bagi membolehkan komuniti perniagaan berhubung tanpa kehadiran fizikal," katanya.

Program sehari hasil kerjasama dengan Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) Johor itu disertai seramai 40 pemain industri di bawah naungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Tionghua Johor Bahru (JBCCI).

Johor adalah negeri kedua program itu selepas Sabah pada awal tahun ini dan seterusnya di Pulau Pinang pada 29 September.

"Selain itu pada program perkongsian ini, Invest Selangor memaklumkan peserta mengenai inisiatif pembangunan industri halal di Selangor seperti membantu usahawan menuju ke arah Pensijilan Halal Malaysia termasuk menerusi kelas bimbingan.

"Kita juga berkongsi usaha meningkatkan ekosistem keusahawanan seperti mendapatkan bantuan dana dan membantu mereka beralih kepada sistem digital khususnya memulakan perniagaan menerusi platform e-dagang Lazada dan Shopee," katanya.

Malah, ini termasuk kejayaan kempen Selangor e-Bazaar Raya bersama Shopee pada Mei hingga Jun lepas yang membantu kira-kira 6,400 usahawan baharu menyertai Shopee.

Hasan Azhari juga menyifatkan Selangor mempunyai tarikan sebagai destinasi perniagaan di negara ini didorong oleh faktor seperti mencatat pertumbuhan 6.7 peratus tahun lepas, dilengkapi infrastruktur seperti pelabuhan dan lapangan terbang serta modal insan dan sumber tenaga mahir.

Katanya, ini turut membantu merealisasikan visi Selangor sebagai negeri pintar menjelang 2025. – BERNAMA

Selangor Fruit Valley destinasi riadah keluarga

RAWANG - Kegiatan pertanian dan penternakan di Selangor Fruit Valley (SFV) sesuai dijadikan pilihan keluarga untuk beriadah.

Isteri Dato' Menteri Besar berkata keunikan kawasan seluas hampir 1,000 hektar juga memberi peluang kepada kanak-kanak menimba pengalaman baharu.

"Ini julung kali saya membawa anak-anak ke SFV. Mereka gembira berpeluang menyuapkan rusa makan dan memetik sayur sendiri.

"Usaha ini merapatkan hubungan kekeluargaan selain menjadi tarikan pelancong lain," kata Datin Seri Masdiana Muhamad ketika melawat SFV pada 25 September.

Pengurus Agro Tourism SFV Md Saad Mahsah pula berkata tanaman anggur membabitkan 10 rumah kaca menjadi tarikan baharu kawasan itu.

"Kita dalam perancangan membina terusan dan penginapan bagi memudahkan pelawat bermalam dan ia dijangka siap tahun depan," katanya.

Masdiana memetik sayur semasa mengunjungi Selangor Fruit Valley di Bestari Jaya, Kuala Selangor pada 25 September

Himpun sembilan operator produk pelancongan negeri

SHAH ALAM - Sembilan operator produk pelancongan negeri ini dihimpunkan dalam program Jelajah Pesona Selangor ke Terengganu pada 22 September lalu, kata pengurus besar Tourism Selangor.

Ia meliputi Sunway Lagoon, Sunway Resort Hotel & Spa, Farm in the City, Chocolate Museum, GM Klang, Sky Mirror Tour & Travel, Persatuan Homestay Selangor, Selangor Fruit Valley dan JumpStreet Asia.

"Penglibatan operator produk pelancongan negeri dalam program ini membolehkan sesi promosi dan pengenalan produk dilakukan secara terus kepada penggiat industri," kata Azrul Shah Mohamad.

Beliau berkata hasil perkongsian dapat disampaikan kepada golongan sasar terdiri daripada pelancong tempatan yang bermastautin luar Selangor.

Jelajah itu mendapat sokongan Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (Matta) dan Tourism Terengganu, Pejabat EXCO Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Maklumat Terengganu dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Motac) Terengganu.

Azrul berkata program itu medan terbaik untuk memperkenalkan Selangor sebagai destinasi percutian unggul yang memiliki pelbagai produk pelancongan.

"Ia membuka peluang lebih luas dalam usaha mempergiat pelan promosi pelancongan bagi menggalakkan lebih ramai kemasukan pelancong domestik ke Selangor," katanya.

EDARAN SELANGOR

#welovePJ
14 SEPTEMBER – 11 OKTOBER 2020
WE LOVE CITY
WE LOVE PETALING JAYA

Penyertaan percuma, keutamaan pelajar B40

PPAS semarakkan sains, inovasi

OLEH **AMIN RIDZUAN ISHAK**

SHAH ALAM - Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) menyemarakkan bidang sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan masyarakat dengan menganjurkan 33 program khas sepanjang Oktober hingga Disember.

Agensi itu berkata penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada individu berusia 13 tahun ke atas dengan keutamaaan kepada pelajar dari keluarga golongan berpendapatan rendah (B40).

Antara pengisian program adalah pendidikan dan kerjaya masa depan: robotik, bina dan reka: inovasi baharu lego, era baharu e-perdagangan, latihan percetakan 3D, kreatif di hujung jari: Adobe Photoshop (Mobile) dan latihan mengendalikan dron.

Pendaftaran boleh dibuat di pautan

shorturl.at/cozBW atau menghubungi 019-3053 836 atau 019-4775 818

Program anjuran bersama Jawatankuasa Tetap Kewangan, Pembangunan Tanah dan Pengurusan Sumber Alam; Hal Ehwal Agama Islam, Pendidikan, Komunikasi Strategik; Majlis Tindakan Ekonomi Selangor.

Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna turut menjayakan program berkenaan.

Penularan virus masih terkawal

PUTRAJAYA - Penularan Covid-19 di Malaysia masih lagi terkawal dengan kadar kebolehjangkitan (RO), atau disebut 'R-Naught' kurang daripada 1.6 dengan kadar ketika ini adalah 1.39, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

"RO ketika ini adalah 1.39 dan keadaan masih terkawal. Tahap kritikal adalah 1.6 dan di Sabah kira-kira 1.42. Kita masih dapat mengawal penularan dengan syarat kita terus melakukan yang terbaik dengan langkah-langkah kesihatan awam di kawasan masing-masing," katanya pada 29 September.

Mengambil contoh Sabah, Dr Noor Hisham berkata pelbagai langkah kesihatan awam diambil sebelum pilihan raya negeri (PRN) itu, termasuk kawalan sempadan dan sekatan jalan raya. Bagaimanapun, tindakan tidak dibuat secara rasmi.

Beliau berharap orang ramai terus memberikan kerjasama dengan mematuhi syarat ditetapkan kementerian seperti menjalani ujian saringan ketika tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Klia2. – BERNAMA

Malaysia pilih vaksin awal 2021

KUALA LUMPUR - Kerajaan berkemungkinan memuktamadkan pemilihan vaksin Covid-19 menjelang awal 2021, demikian menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Beliau berkata data daripada beberapa ujian klinikal vaksin Covid-19 yang berada pada fasa ketiga, dijangka dianalisis pada hujung tahun ini.

Menurut beliau, Mosti juga sedang berbincang dengan Kementerian Kesihatan, Kementerian Kewangan dan Jabatan Peguam Negara berkenaan implikasi undang-undang dan model perolehan bagi vaksin Covid-19.

"Kita juga sedang berbincang terus dengan syarikat-syarikat farmaseutikal antarabangsa lain bagi pembekalan terus tanpa melalui pelan peruntukan vaksin Covid-19 global, COVAX.

"Saya juga telah meminta supaya satu perjanjian dengan China dimuktamadkan secepat mungkin berikutan draf penjanjian hampir siap," katanya pada 29 September.

Tambahnya, rundingan dengan pihak (Covax) bagi penyertaan Malaysia di dalam kemudahan tersebut bagi mendapatkan vaksin Covid-19 yang diperlukan, masih berlangsung. – BERNAMA

Dakwa Muhyiddin 'hilang majoriti'

SHAH ALAM - Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) menyifatkan Tan Sri Muhyiddin Yassin sudah hilang majoriti ahli parlimen susulan peralihan sokongan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketua penerangan parti itu berkata presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) secara perundangannya telah hilang keabsahan sebagai perdana menteri.

Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin mengulas kenyataan Presiden Umno Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi yang menyebut beliau "dimaklumkan ramai ahli parlimen Umno dan Barisan Nasional menyatakan sokongan."

Justeru, KEADILAN menggesa Muhyiddin, yang mendapat sokongan tipis di Dewan Rakyat, "berundur dengan cara terhormat".

"Muhyiddin sewajarnya berundur serta meletakkan jawatan sebagai perdana menteri dengan cara yang terhormat memandangkan sokongan majoriti ahli parlimen kini telahpun beralih kepada Anwar," kata Shamsul Iskandar pada 25 September.

"Dengan sokongan penuh ahli parlimen Umno kepada beliau (Muhyiddin) sebelum ini, Muhyiddin hanya mempunyai selisih majoriti dua orang ahli parlimen sahaja," tambahnya.

Hajiji angkat sumpah ketua menteri Sabah

KOTA KINABALU - Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Sabah Datuk Hajiji Noor yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sulaman mengangkat sumpah sebagai ketua menteri Sabah di hadapan Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin pada 29 September lalu.

Foto BERNAMA

Turut berbuat demikian di Istana Negeri Sabah, tiga timbalan ketua menteri iaitu Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah Datuk Seri Bung Moktar Radin yang juga ADUN Lamag, Presiden Parti Solidariti Tanah Airku (STAR) Datuk Dr Jeffrey Kitingan (ADUN Tambunan), dan Naib Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Dr Joachim Gunsalam (ADUN Kundasang).

Bung Moktar turut mengangkat sumpah sebagai Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Jeffrey (Menteri Pertanian dan Perikanan), dan Joachim (Menteri Pembangunan Perindustrian) ADUN Karanaan, Datuk Seri Masidi Manjun (Menteri Kerja Raya Sabah) dan ADUN Tamparuli, Datuk Jahid Jahim (Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah). Jahid dan Masidi berstatus menteri kanan.

Bagaimanapun dalam sidang media selepas majlis itu, Hajiji mengumumkan Bung Moktar dan Masidi bertukar portfolio.

Gabungan Rakyat Sabah mengambil alih tampuk pimpinan kerajaan negeri daripada Parti Warisan Sabah (Warisan) pada pilihan raya negeri Sabah pada 26 September lalu apabila memperoleh 38 daripada keseluruhan 73 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Jika bentuk kerajaan baharu

PAKATAN berazam terus banteras rasuah

SHAH ALAM - Pakatan Harapan (PAKATAN) berazam untuk terus menegakkan keadilan dan membanteras rasuah jika membentuk kerajaan baharu.

"PAKATAN menegaskan walau apa sekalipun langkah diambil dalam mengembalikan mandat rakyat, iltizam dan komitmen terhadap perjuangan menegakkan keadilan, membanteras amalan rasuah serta memperbaiki institusi termasuk badan kehakiman tidak boleh dikompromi," kata Majlis Setiausaha PAKATAN.

Kenyataan tersebut ditandatangani Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dari Parti Keadilan Rakyat, Datuk Dr Hatta Ramli (Amanah) dan Anthony Loke (DAP).

Pada 28 September, Majlis Presiden PAKATAN mengadakan mesyuarat bulanan antara lain membincangkan keputusan pilihan raya negeri (PRN) Sabah pada 26 September.

Gabungan itu bersama Warisan tewas apabila hanya meraih 32 daripada 73 kerusi.

Beberapa hari sebelum PRN berlangsung, Pengerusi PAKATAN Datuk Seri Anwar Ibrahim mendakwa mendapat sokongan ramai ahli parlimen untuk membentuk kerajaan baharu dengan majoriti "kukuh dan meyakinkan".

Enggan mendedahkan jumlah majoriti tersebut, beliau berkata kerajaan pimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak lagi dapat dipertahankan.

Anwar turut diperkenan untuk menghadap Yang di-Pertuan Agong pada 22 September lalu, namun terpaksa ditangguh susulan kegeringan baginda.

"PAKATAN mendoakan agar DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan sembuh dari sebarang masalah kesihatan dan kekal di bawah lindungan Ilahi," kata gabungan itu lagi.

KEADILAN mahu kecilkan jurang kaya, miskin

SHAH ALAM - Ahli-ahli parlimen Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) menyokong penuh usaha Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mengembalikan mandat rakyat yang diperoleh pada 9 Mei 2018.

Ketua whip parti itu berkata langkah mengembalikan Kerajaan Pakatan Harapan (PAKATAN) pada peringkat persekutuan juga dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan kesenjangan miskin dan kaya.

Datuk Johari Abdul berkata ramai ahli parlimen Umno dan Barisan Nasional beralih sokongan kepada presiden KEADILAN sekali gus bermakna Tan Sri Muhyiddin Yassin hilang majoriti sebagai perdana menteri.

"Sebarang sokongan daripada mana-mana ahli parlimen harus datang dari keinginan jujur mahu menyelamatkan negara daripada krisis kesihatan dan ekonomi akibat Covid-19 yang memerlukan sebuah kerajaan stabil, dinamik dan kuat," katanya pada 27 September.

Beliau berkata komitmen terhadap keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan memelihara integriti tidak akan dikompromi sama sekali.

"Kerajaan mesti fokus memantapkan tatakelola dan melaksanakan reformasi institusi termasuk badan kehakiman," kata Johari lagi.

Katanya, ahli parlimen KEADILAN turut berdoa agar Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah segera sembuh dan dikurniakan kesihatan yang baik.

EDARAN SELANGOR DIGITAL

#welovePJ
14 SEPTEMBER – 11 OKTOBER 2020

Tidak cukup biayai waktu bersara

Simpanan sedikit, kurang RM50,000

ALOR GAJAH - Sebanyak 54 peratus pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berumur 54 tahun mempunyai simpanan yang kurang daripada RM50,000 bagi menampung kehidupan mereka selepas bersara.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Operasi KWSP, Datuk Mohd Naim Daruwish berkata secara keseluruhan hanya 34 peratus pencarum aktif KWSP mencapai tahap simpanan asas mengikut umur.

Sehingga kini KWSP mempunyai 14.6 juta pencarum aktif dan 530,000 majikan dengan jumlah dana yang diuruskan sebanyak RM940 bilion.

"Simpanan asas yang ditetapkan KWSP adalah RM240,000 kerana purata jangka hayat rakyat negara ini kini meningkat kepada 75 tahun dan secara amnya rakyat akan mengharungi tempoh persaraan yang agak lama iaitu sekitar 20 tahun, berdasarkan umur persaraan kebanyakannya berusia 55 tahun.

"Keadaan ini membimbangkan dan berkemungkinan menjadi lebih serius pada masa akan datang sekali gus memberi kesan negatif kepada kesejahteraan hidup rakyat dan membebankan kerajaan," katanya pada 25 September. – BERNAMA

Senarai hitam syarikat seleweng

JOHOR BAHRU - Kerajaan akan mengambil tindakan tegas termasuk menyenaraihitamkan syarikat dan majikan yang didapati menyalahgunakan pemberian dana Program Subsidi Upah.

Menteri Sumber Manusia Datuk Seri M. Saravanan berkata ini berikutan terdapat aduan berhubung kegagalan majikan membayar upah kepada pekerja.

Beliau berkata tindakan mahkamah juga akan dikenakan terhadap majikan terbabit jika turut didapati menggunakan dokumen palsu untuk menyertai program berkenaan.

"Kami telah menerima aduan membabitkan 89 majikan yang menerima subsidi upah tetapi upah tidak diterima oleh 846 pekerja di seluruh Malaysia.

"Selain itu, sebanyak 1,663 syarikat turut dikesan memberikan dokumen palsu melibatkan 14,800 pekerja dengan tuntutan sebanyak RM31 juta," katanya pada 25 September yang turut mengingatkan syarikat agar tidak mengambil kesempatan atas usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk membantu rakyat dalam tempoh sukar ini. – BERNAMA

RM66 juta untuk pulih sungai

KOTA BHARU - Kementerian Alam Sekitar dan Air (Kasa) memperuntukkan RM66 juta lagi untuk melaksanakan 802 projek pemuliharaan sungai dalam usaha mengurangkan risiko banjir di seluruh negara.

Menterinya Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata peruntukan itu adalah tambahan kepada peruntukan sedia ada yang diluluskan Unit Perancang Ekonomi di bawah Rolling Plan 4 (RP4) berjumlah RM80.3 juta untuk pelaksanaan 615 projek.

Menurut beliau, projek terbabit yang dijangka siap menjelang penghujung tahun ini memberi manfaat kepada kira-kira 500,000 penduduk.

"Kesemua 802 projek ini untuk menangani dan mengurangkan impak kejadian banjir kepada rakyat melalui pelaksanaan kerja pemuliharaan tebing sungai, menaik taraf sistem saliran, kerja-kerja kecemasan di luar jangka (sebelum atau selepas banjir) dan lain-lain skop kerja berkaitan," katanya pada 27 September.

"Kasa berharap pelaksanaan projek-projek ini secara tidak langsung dapat membantu kontraktor-kontraktor kecil yang terjejas oleh pandemik Covid-19." – BERNAMA

Memanfaat permatang kuarza 200 juta tahun

Tekad majukan pelancongan

OLEH **AMIN RIDZUAN ISHAK**

KEUNIKAN kuartz tulen di Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) berusia 200 juta tahun yang menyerlahkan landskap Hulu Kelang mahu dimanfaatkan oleh Ahli Dewan Negerinya.

Saari Sungib, 63, melihat jajaran mineral terpanjang di dunia iaitu sejauh 14 kilometer dengan lebar 200 meter mampu menjadikan Kampung Kemensah sebagai destinasi pelancongan apatah lagi kedudukannya dekat dengan ibu negara.

PKGS merangkumi Bukit Tabur yang terkenal dalam kalangan pendaki manakala Kampung Kemensah popular dengan kejernihan sungai dan kehijauannya. Selain itu, ada tarikan lain termasuk restoran makan dalam sungai dan Zoo Negara meski ada cadangan memindahkannya ke lokasi lain berikutan kedudukannya dihimpit pembangunan pesat.

Mesra dengan panggilan Pak Abu, beliau membuat perancangan dari segi pendakian dan kawal selia di PKGS tanpa menjejaskan alam sekitar. Itu selaras usaha mendapat pengiktirafan sebagai tapak Warisan Dunia Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Beliau turut dibantu individu berkemahiran dalam bidang tertentu termasuk pendaki Gunung Everest, Azim Afif Ishak dan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) selain pihak berkuasa lain.

"Kita sokong usaha Kerajaan Negeri memeliharanya dan pada masa sama menjana pendapatan. Contohnya mengehadkan kumpulan yang memasukinya dan denda bagi yang melakukan pencemaran. Selain itu, perlu ada pemandu arah khas yang diberi upah.

"Kampung Kemensah sesuai untuk pelancongan. Ada sungai cantik dan pelbagai aktiviti seperti menaiki ATV (kenderaan lasak pelbagai bentuk permukaan bumi)," katanya kepada SelangorKini.

Menjadi wakil rakyat sejak 2008, Saari yang terkenal sebagai pemimpin mahasiswa semasa belajar di United Kingdom turut mementingkan kebajikan masyarakat. Beliau membelanjakan sebahagian besar RM800,000 peruntukan ADN kepada rakyat.

Turun padang

Ketika wabak Covid-19 memuncak Mac lalu, beliau di sebalik menghidap penyakit Parkinson tidak memperlahankan langkah, bahkan kerap turun padang bagi menghulurkan bantuan makanan asas kepada penduduk terjejas.

Saari juga tidak melupakan kepentingan aspek prasarana dan sering membangkitkannya kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan agensi berkaitan.

Menjadi pembantu EXCO perumahan pada 2008, Saari mahir selok belok bidang itu dan menggunakan pengalamannya untuk membantu menyelesaikan isu rumah terbengkalai. Beliau juga menitik berat soal penempatan penduduk setinggan yang tapak kediaman mereka dibangunkan projek perumahan. Ada yang berpeluang membeli rumah dengan potongan harga atau menikmati pampasan.

Saari juga berharap Kerajaan Negeri memperkasakan pembangunan modal insan bagi melahirkan generasi yang mampu meneruskan kemajuan selain menambah baik kelemahan di Hulu Kelang yang disifatkannya agak 'comot'.

"Comot kerana masih ada projek terbengkalai dan tidak siap-siap. Saya pun agak rimas juga melihatnya dan harap ia dapat diperbaiki lagi," kata Pak Abu yang dua kali ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Mudah didekati, tokoh terkenal dengan Risalah Usrah dan pengasas Jamaah Islah Malaysia (JIM) juga sering dijemput menyampaikan ceramah motivasi dan takzirah kerana penerangannya jelas.

Kisah mengenai Saari turut dibukukan dengan judul 'Abu Urwah: Legenda Tanpa Soroton' tulisan Dr Hamdi Ibrahim yang dijangka dilancarkan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari di Perpustakaan Awam Selangor daerah Gombak pada Oktober ini.

Penerima insentif DUN Hulu Kelang

- Skim Mesra Usia Emas: 4,808 orang
- Tabung Warisan Anak Selangor: 2,527 orang
- Skim Insurans Peduli Sihat: 1,386 orang
- Insentif Perkahwinan Belia: 604 pasangan

Gigih atasi isu tapak pembuangan sampah haram

SHAH ALAM - Masalah pembuangan sampah haram antara kesulitan utama yang sering dihadapi Ahli Dewan Negeri (ADN) Sentosa Dr G Gunarajah sejak bergelar wakil rakyat lebih dua tahun lalu.

Cakna mengenai isu berkenaan, beliau berusaha gigih mengatasinya dari berlarutan. Hasilnya masalah itu kian berkurangan.

"Saya perkenalkan kempen Bersih dan Hijau sejak 28 April tahun lalu untuk memastikan Sentosa sentiasa bersih dan memupuk kesedaran masyarakat tentang kepentingan menjaga alam sekitar.

"Saya juga mengadakan program gotong-royong bersama beberapa sekolah dan berjaya mengutip 1,106kg sampah," katanya.

Beliau yakin masalah itu dapat diselesaikan melalui kerjasama Majlis Perbandaran Klang dan KDEB Waste Management seterusnya memastikan Sentosa bebas daripada 'tapak' pembuangan sampah haram.

Banjir kilat

Gunarajah mengesan dua lagi masalah iaitu banjir kilat dan ketiadaan pasar harian yang diperlukan peniaga bagi meningkatkan taraf ekonomi hampir 52,000 penduduk.

"Dengan adanya pasar harian kekal akan memudahkan masyarakat mendapatkan barang keperluan makanan dengan selesa," katanya.

Kekerapan banjir pula ekoran longkang tersumbat dan tanah mendap. Isu tersebut diatasi dengan bantuan agensi kerajaan yang melaksanakan projek tebatan.

Selain itu, pelbagai inisiatif ditawar kepada penduduk ke arah menjadi negeri pintar. Beliau juga berharap Kerajaan Negeri meneruskan projek pembangunan seimbang dari sudut sosio-ekonomi mahupun prasarana.

Gunarajah turut memuji kepimpinan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari yang selalu mengutamakan rakyat daripada mencampuri urusan politik.

"Kerajaan pimpinan Amirudin sentiasa meletakkan kepentingan rakyat sebagai asas pentadbiran beliau, malah pelbagai sumbangan diperkenalkan dan masih diteruskan bagi membantu rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah," katanya.

Projek yang dijayakan

- Membantu 250 anak orang kelainan upaya (OKU) berusia empat hingga 13 tahun dari segi pendidikan
- Menawarkan peluang pekerjaan kepada hampir 100 penduduk dengan kerjasama syarikat Citylink Express
- Membentuk gabungan persatuan penduduk dan kawasan
- Rukun Tetangga bagi aktiviti kemasyarakatan di Sentosa
- Mewujudkan Pusat Pembangunan Komuniti, ruang untuk penduduk mengadakan aktiviti secara percuma
- Mengadakan seminar pendidikan percuma kepada calon Sijil Pelajaran Malaysia

EDARAN DIGITAL SELANGOR

#welovePJ
14 SEPTEMBER – 11 OKTOBER 2020

Memaknai khazanah seni

Bersyukur ke hadrat Allah SWT, dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama berhimpun pada malam ini, yang dinamakan sebagai 'Malam Menghimpun Rindu Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan', salah satu kegiatan tahunan saya khususnya antara 1995 hingga 2002. Banyak kali masuk dan pernah sekali ke peringkat akhir di Pulau Pinang pada 1998 ketika saya di Universiti Putra Malaysia tetapi belum pernah mewakili institusi pengajian tinggi (IPT) itu. Malam ini dapat kita bersama-sama, ada sebahagian rakan-rakan dan guru-guru saya, kekal istiqamah dengan Sayembara Deklamasi Hari Kemerdekaan, suatu pengisian penting sempena sambutan Hari Kebangsaan.

Saya gembira dapat berhimpun bersama-sama keluarga besar sayembara ini. Sebagaimana ucapan Ketua Satu Gabungan Persatuan Penulis Nasional (Gapena) iaitu Dato' Zainal Abidin Borhan, ia meninggalkan bekas yang sangat besar selaku salah seorang peserta. Bacaan dan bait-bait puisi yang terungkap selaku pendeklamasi memberi bekas ingatan serta membentuk jiwa dan jati diri. Selaku pemimpin yang dipilih, juga selaku rakyat di negara tercinta ini.

Ungkapan berlapis

Bait-bait ini bukan hanya kata-kata indah, sebaliknya ia tersimpan seribu makna yang kadangkala kurang difahami si pendeklamasi. Kadang-kadang yang difahami berbeza daripada yang dihajati, yang diungkap atau yang diingini si penulis. Namun, ada ungkapan menyebut bahawa selepas sesebuah karya siap, maka penulis itu telah mati. Hanya karya tersebut dibaca dan dianalisis sama ada satu lapis, dua lapis dan berlapis-lapis. Baik dalam bentuk puisi, apatah lagi puisi antara kata azimat yang tertinggi, yang sepatutnya diluahkan. Selepas tidak dapat menyertai deklamasi puisi, saya masih menganjurkan acara membaca puisi. Tahun 2004 hingga 2007, ketika itu kami baru lepas habis pilihan raya, kita menggerakkan acara baca puisi – berhimpun dan berbincang karya sastera. Sebab ketika itu, antara pandangan yang kita beri adalah perubahan boleh dilakukan kalau kita mampu mengungkap karya seni.

"Ketika ada masa, saya bertemu dengan Allahyarham Rosli Khamis atau nama popularnya, Loloq. Beliau antara penulis lirik yang saya agak rapat dan sempat bertemu, bersembang, berborak - kadang-kadang sampai awal pagi. Beliau selalu sebutkan puisi sepatutnya *supreme*, yang tertinggi. Dianggap lirik itu hanya lapisan kedua atau tiga kerana kadangkala lirik maknanya lebih secara langsung (direct to the point). Sebaliknya puisi sarat makna dan pengertian, yang sebenarnya menjiwai dan memperkayakan khazanah negara dan penduduknya.

Saya antara pihak yang kurang disenangi sebahagian ahli politik sebab kadangkala mengkritik. Sebahagian ahli sastera dan seni yang terlibat dengan politik menukar posisi daripada seorang pengkarya kepada ahli politik tetapi tidak tercermin di dalam karyanya. Sama ada lagu mahupun karya sebaliknya lebih terikut-ikut dengan ucapan politik yang kadangkala menyakitkan hati lantaran garis politik yang tertutup. Sebab itu, dalam beberapa tulisan, pernah saya karang pada 2014 ataupun 2013, saya menyebut ahli seni, orang budaya, sasterawan yang ingin terjerumus dan bersama-sama politik - perlu atau tidak perlu? Dulu Pak Sako, Sasterawan Negara (SN) Usman Awang terlibat dan ramai lagi. Tetapi dalam masa sama, lebih elok hasil suara mahupun jiwanya disuarakan melalui karya masing-masing. Dalam konteks masing-masing berbanding hanya menjadi pengisi ceramah politik, yang kadangkala ahli politik menjadi watak utama. Saya selalu menyebut politik bukanlah panglima dalam negara, sebaliknya ada juzuk-juzuk lain yang harus diisi kerana pengisian ini sangat penting dalam pembinaan negara dan bangsa. Bukan hanya bertapak kepada retorik ahli politik yang kadangkala hanyalah laungan kosong tanpa ada konteks dan kandungan yang tepat dan kuat.

Kenangan bersama Loloq

Ketika ada masa, saya bertemu dengan Allahyarham Rosli Khamis atau nama popularnya, Loloq. Beliau antara penulis lirik yang saya agak rapat dan sempat bertemu, bersembang, berborak - kadang-kadang sampai awal pagi. Beliau selalu sebutkan puisi sepatutnya *supreme*, yang tertinggi. Dianggap lirik itu hanya lapisan kedua atau tiga kerana kadangkala lirik maknanya lebih secara langsung (direct to the point). Sebaliknya puisi sarat makna dan pengertian, yang sebenarnya menjiwai dan memperkayakan khazanah negara dan penduduknya. Sebab itu, negara maju dan negara membangun tidak akan sunyi dari melahirkan novelis yang cemerlang atau melahirkan sasterawan yang bagus, melahirkan karya berkualiti. Sebab itu, pada 2015 sebaik saya menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan saya mohon untuk menjadi EXCO kebudayaan kerana bidang itu antara minat saya sejak kecil. Selain aktiviti sukan dan sebagainya, saya mahu mengisi dan mengertikan perjuangan politik, kehidupan, kerajaan dengan kandungan yang bermakna dan mempunyai nilai.

Bangsa dan negara ini memerlukan nilai. Nilai tidak boleh hanya diisi dengan laungan dan retorik politik belaka. Apatah lagi, nilai tidak dapat diisi dengan *movement-movement, manoeuvring-manoeuvring* ataupun ketangkasan, kelicikan tindakan politik. Tetapi makna kepada negara harus diisi oleh intelektual, pemikir, karya dan pengisian sama ada dalam bentuk tulisan esei atau karya seperti cerpen, novel, puisi, lirik lagu, lukisan dan sebagainya.

Bahagian pertama ucapan dalam program Malam Menghimpun Rindu Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan di kediaman rasminya pada 18 September.

EKAMAT SELANGOR DIGITAL

▲ Selain menggunting, pelajar juga diajar teknik rawatan, penggayaan, melurus dan mewarna rambut melalui kursus dandanan selama lapan bulan. Mereka turut didedahkan kepada kemahiran komunikasi dan pengenalan asas perniagaan

▲ Badruzzaman Marzuki, 25, yang mengikuti kursus kulinari memasukkan ketulan kepak dan paha ayam bersalut madu ke dalam ketuhar sebelum dipanaskan pada suhu antara 170 dan 180 darjah Celcius

◀ Arina Norijasmi, 18, yang mengikuti kursus kulinari dan pastri selama enam bulan menunjukkan cara betul menyusun atur sudu, garpu dan cawan di meja sebelum hidangan disediakan

Dato' Seri Amirudin Shari melawat bengkel automotif selepas Majlis Penjenamaan Kolej Antarabangsa INPENS dan Penyampaian Sijil Tamat Latihan pada 25 Ogos

Kerja tangan

Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) melahirkan pekerja mahir dalam pelbagai bidang termasuk automotif, teknologi maklumat, tekstil dan kulinari melalui 12 kursus yang ditawarkan.

Dahulu dikenali Kolej Antarabangsa Inpens (Inpens), pusat latihan itu yang ditubuhkan 27 tahun lalu di Klang menyediakan pendidikan teknikal dan vokasional kepada ratusan pelajar.

Dijenamakan semula pada 25 Ogos lalu, dengan harapan boleh setanding Universiti Teknikal Munich, STDC berhasrat melonjakkan lagi tahap kemahiran pelajar termasuk melalui kerjasama dengan pemain utama industri.

Jurufoto **Fikri Yusof** dan wartawan **Aliff Fikri** meninjau latihan amali para pelajar di premis baharunya di Kuala Selangor pada 24 September.

▲ Corak sulaman yang direka sendiri boleh dimuatkan ke mesin jahit berkomputer melalui pemacu pen. Dengan menekan satu butang di skrin sesentuh, jahitan disempurnakan oleh mesin secara automatik

▲ Pelajar kursus automotif melakukan latihan amali memeriksa enjin kereta. Mereka diajar membuat pemeriksaan berkala sistem bahan api dan selenggara klac, brek, stereng serta tayar

▶ Pelajar operasi sistem komputer memasang komponen. Mereka didedahkan kerja baik pulih, selain memasang perisian, menjaga keselamatan data dan pengurusan dokumen

▲ Kursus elektrik terdiri daripada dua peringkat selama setahun. Selepas lulus, mereka boleh mengambil Sijil Kompeten Suruhanjaya Tenaga

▲ Faiz Hasnan, 19, menyembur cat sebanyak lima atau enam kali sehingga semburan rata dan kemas. Kerja itu sebahagian daripada 20 peringkat untuk mengecat sesebuah kenderaan

▲ Sambil dipantau tenaga pengajar, untuk penilaian kerja, penuntut memasang semula komponen motosikal selepas meleraikan bahagian tersebut agar kembali kepada asal

EDARAN SELANGOR

Persiapan rapi hadapi air pasang besar

SHAH ALAM - Persiapan rapi dibuat bagi menghadapi gelombang kedua fenomena air pasang yang dijangka berlaku pertengahan Oktober ini, kata Ahli Dewan Negeri (ADN) Morib.

Hasnul Baharuddin berkata langkah awal adalah memastikan kelengkapan di pusat pemindahan mencukupi dan meningkatkan kerjasama bersama agensi keselamatan.

"Persiapan dibuat di beberapa kawasan pemindahan seperti di Dewan Orang Ramai Kampung Kelanang dan Dewan Orang Ramai Sri Kundang selain pemantauan bersama agensi seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia bagi memastikan keadaan terkawal," katanya pada 25 September.

Fenomena pertama pada 19 dan 20 September lalu merosakkan beberapa tembok penahan ombak seperti di Pantai Morib.

Pada 17 hingga 19 Oktober, paras ketinggian air dianggar antara 5.7 hingga 5.8 meter.

Data ramalan Pusat Hidrografi Nasional menjangka fenomena kali ini tertinggi dalam tempoh 20 tahun.

Bantu ringan beban keluarga susah

Set pakaian sekolah percuma

OLEH **AMIN RIDZUAN ISHAK**

SHAH ALAM - Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Jaras menyediakan set pakaian sekolah untuk pelajar dari keluarga yang tidak berkemampuan.

Ahli Dewan Negerinya, Mohd Khairuddin Othman berkata sumbangan menerusi program Kembali ke Sekolah bagi sesi persekolahan 2021 terhad untuk dua pelajar bagi satu keluarga.

Katanya, selain wajib pengundi di DUN Paya Jaras, pihaknya mengutamakan permohonan ibu bapa atau penjaga yang diberhentikan kerja dan tidak menerima bantuan zakat, Bantuan Sara Hidup (BSH) serta Kasih Ibu Smart Selangor (KISS).

"Keutamaan kedua diberikan kepada pemohon berpendapatan bawah RM2,500 dan tidak menerima bantuan. Bagaimanapun, pertimbangan juga diberikan bagi penerima zakat, BSH dan KISS," katanya pada 17 September.

Permohonan dibuka sehingga 25 Oktober dan borang boleh diambil dari ketua kampung dan pejabat Adun Paya Jaras.

YB Kita

Ahli Dewan Negeri
N14 RAWANG

- **Nama:** Chua Wei Kiat
- **Umur:** 31 tahun
- **Negeri kelahiran:** Kuala Lumpur
- **Aktiviti masa lapang:** Bersukan
- **Falsafah hidup:** Jangan takut gagal sebelum mencuba, kejayaan hanya milik orang yang berani mencuba
- **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:** Ahli Majlis Perbandaran Selayang
- **Alamat pejabat ADN:** No E11 Jalan Mutiara 2, Rawang Mutiara Business Centre, 48000 Rawang
- **Nombor telefon ADN:** 03-6091 2118
- **E-mel:** khidmatrawang@gmail.com
- **Facebook:** chuaweikiat.page



Masjid Bandar Teknologi Kajang siap 2022

SHAH ALAM - Kerja pembinaan masjid di Bandar Teknologi Kajang, Semenyih yang terhenti susulan Perintah Kawalan Pergerakan pada Mac lalu disambung semula, kata Ahli Dewan Negeri Sungai Ramal.

Mazwan Johar berkata Jabatan Kerja Raya Hulu Langat memaklumkan kerja berkenaan diteruskan sekalipun wujud kebimbangan projek bermula hujung tahun lalu mungkin terbengkalai.

Beliau berkata projek itu disasar siap hujung 2021 berdasarkan perancangan asal sebelum ia dilanjutkan pada suku pertama 2022 berikutan perubahan jadual pembinaan.

"Saya akan terus memantau kemajuan projek pembinaan masjid dan berharap ia dapat digunakan penduduk di Bandar Teknologi Kajang mengikut jadual," katanya pada 25 September.

EDARAN SEKIAN

#welovePJ
14 SEPTEMBER – 11 OKTOBER 2020

ADN TANJUNG SEPAT
Borhan Aman Shah
Menyantuni warga emas dan asnaf di Kampung Hulu Teris, Kuala Langat

ADN TAMAN TEMPLER
Mohd Sany Hamzan
Melawat penduduk uzur di Pangsapuri Blok Camar Pinggiran Indah, Batu Caves, Gombak

ADN PELABUHAN KLANG
Azmizam Zaman Huri
Memantau kerja baik pulih ban pecah di Kampung Telok Gong, Klang

ADN TERATAI
Lai Wai Chong
Meninjau jalan yang diturap oleh MPAJ di Pangsapuri Intan, Ampang

ADN IJOK
Dr Idris Ahmad
Menziarahi warga emas pada program Ziarah Medik di Kampung Parit Mahang, Jeram, Kuala Selangor

ADN KUALA KUBU BAHARU
Lee Kee Hiong
Memberi sumbangan kepada pusat jagaan Sivananda di Kampung Ampang Pechah, Kuala Kubu Bharu

EDARAN SELANGOR KINI

Sebongkah batu di tengah kota

Oleh Saifullizan Yahaya

A. S terjaga dari tidurnya setelah dikejutkan bunyi yang bertalu-talu dari jam telefon pintarnya. Tandanya dia perlu segera bangun dan bergegas siap untuk ke pejabat. Tetapi dia ingin menunda keinginan tersebut buat sementara waktu, sama seperti hari-hari yang lalu.

B. S memang telah terlalu lewat untuk ke tempat kerja. S sedar tentang itu bukan kerana dia terlewat bangun tetapi kerana jalan raya di kotanya sentiasa sesak. Kerana tanah airnya sedang menuju negara maju. S ingin percaya kepada kenyataan itu yang sering didengari sama ada lewat kaca televisyen mahupun melalui pembacaan di internet.

C. S tidak lagi membeli surat akhbar kerana sekarang semuanya ada di internet dan di telefon pintarnya. Negaranya sentiasa aman dan sentiasa menuju ke hadapan. Itulah kenyataan pemerintah yang telah ditanam dalam cepu fikirannya sejak di bangku sekolah lagi.

D. S mula ingin membasuh cawan kopi segera, tetapi ditundanya dahulu kerana pagi ini dia berasa sedikit sunyi. Mungkin kerana dia telah hampir lima hari ditinggalkan oleh Albert di sebuah apartmen yang sewanya dikongsi bersama. Albert adalah kawan serumahnya yang nama sebenarnya Abdullah bin Yaakub.

E. S sehingga hari ini tidak tahu bagaimana kawan serumahnya itu mendapat nama Albert dan dia pun sering terlupa untuk bertanya perkara tersebut kepada Abdullah atau Albert.

F. S menghidupkan televisyen dengan bantuan alat kawalan jauh sebelum kembali menyambung keinginannya untuk minum kopi. Tetapi hasratnya itu ditunda segera apabila telinganya mendengar suara seorang perempuan dari dalam televisyen membuat pengumuman bahawa di tengah-tengah kota raya telah timbul sebongkah batu.

G. S hanya ingin tahu adakah yang didengarinya itu sebuah cerita atau sebuah berita. Yang membezakannya hanya huruf 'b' dan 'c' tetapi ramai sekarang yang keliru dengan dua perkataan tersebut sehingga mereka tidak dapat membezakan antara benar dan bohong dari keduanya.

H. S hanya tahu yang benar sekarang ialah wajah seorang perempuan berambut pendek berwarna perang sedang membawa berita mutakhir tentang kemunculan sebongkah batu.

I. S dapat melihat di skrin televisyen kamera sedang menyorot rakaman sebuah bongkah batu yang besarnya sepemeluk lelaki dewasa dan setinggi kanak-kanak berusia enam tahun timbul di tengah-tengah sebuah jalan di kota raya yang sekarang ini telah menjadi sebahagian daripada kehidupannya. Atau dia sebenarnya masih lagi bermimpi.

J. "Benarlah, tidak mungkin perempuan pembaca berita itu telah menjadi pelakon. Dan berita di televisyen tidak berbohong?" S tahu kata-kata itu ditujukan kepada dirinya sendiri dan meleret sebuah senyuman yang tidak disedarinya oleh pembaca.

K. S terus mencapai telefon pintarnya. Tujuan S ingin melihat WhatsApp. Mungkin ada berita lebih menarik tentang batu tersebut yang dilaporkan oleh grup WhatsApp yang disertainya. Ya, memang telah ada banyak mesej WhatsApp yang diterima tentang kemunculan batu tersebut.

L. S cuba menarik nafas. Sekarang, batu itu telah menjadi popular dan tular, dan keinginan untuk minum kopi tidak dapat ditundanya lagi. Dia segera ke ruang dapur untuk membancuhnya.

M. S memilih sofa yang telah kehilangan empuk itu untuk menikmati kopi sambil membaca berita tentang sebongkah batu itu di telefon pintarnya. Dari satu grup WhatsApp ke satu grup WhatsApp yang lain. Ada berita dan cerita yang sama. Disalin dan dimajukan ke grup WhatsApp yang berbeza. Ada yang diambil dari portal akhbar di internet. Ada juga dari laman media sosial.

N. S tahu sekarang dia tidak perlu risau jika dirinya lewat sampai ke pejabat, yakni setelah hampir setengah jam dia membaca berita dan cerita dari grup WhatsApp tersebut bahawa kemunculan batu itu sangat berbahaya kepada negara dan kesejahteraan rakyat.

O. S melontar pandangannya ke peti televisyen. Sorotan rakaman sebongkah batu terus mendapat liputan dari semua saluran. Rakaman dari semua sudut dari setiap stesen juga berbeza-beza. Ada yang menggunakan dron untuk dipertontonkan pemandangan dari langit. Semua stesen ingin memuaskan hati penonton dan memperlihatkan siapa yang berjaya mendahului pemberitaan. Atau sebenarnya penonton tidak peduli pun tentang sudut pandangan manakah yang lebih menarik kerana penonton hanya ingin tahu kebenarannya.

P. S cuba memahami seketika realiti yang sedang dihadapi sambil telinganya menangkap suara dari televisyen. "... batu ini bukan batu biasa, batu ini batu hidup, batu ini boleh membesar dan merosakkan kota raya yang kita cintai ini." Di skrin televisyen tertera nama dan jawatan suara tersebut, iaitu seorang ahli fizik yang sedang memberi komen terhadap batu tersebut.

Q. S benar-benar terasa dia perlu tahu tentang sebongkah batu itu. Dia juga tidak mahu pergi bekerja hari ini. Bagaimana sebuah batu boleh merosakkan negaranya, khususnya kota rayanya sekarang?, fikirnya. Bibirnya telah pun menghabiskan hirupan kopi terakhir yang dibancuh sebentar tadi.

R. S melontar pandangan ke arah televisyen, yang kini sedang sibuk menunggu satu pengumuman yang mungkin akan dibuat oleh Ketua Negara tentang situasi yang sedang berlaku sekarang, begitulah yang dilaporkan oleh salah satu saluran televisyen.

S. S telah melihat kamera mengejar kelibat seorang menteri. Tetapi jurukamera itu dihalang oleh beberapa pasang tangan. Tangannya kembali mengubah saluran televisyen. Sekarang dilihat pula menteri itu telah berdiri di atas sebuah pentas yang seperti baru sahaja dibina. Di atas pentas itu telah tersedia sebuah rostrum dan di keliling rostrum itu terhias bunga-bunga hidup.

T. S mendengar ucapan pembukaan menteri itu, "Diharap bertenang semua," sebelum memberi salam dan sempat juga melaung sebuah moto yang sekarang menjadi sebutan orang-orang besar pemerintah setiap kali memulai ucapan.

U. S mendengar menteri itu berkata, "Saya telah pun diminta oleh Ketua Negara yang kita muliakan untuk membuat satu pengumuman penting tentang situasi yang sedang kita hadapi sekarang, iaitu tentang sebongkah batu yang tiba-tiba sahaja muncul di tengah kota raya yang kita cintai ini.

V. S terjeda seketika apabila tiba-tiba bekalan elektrik di rumah sewanya terpadam sekali gus televisyen yang sedang ditonton terpadam juga. Dirinya berasa ada sesuatu yang tidak kena.

W. S terus mencapai telefon pintar untuk mengikuti siaran secara langsung yang mungkin ada dibuat melalui Facebook. Dilihat telefon pintarnya juga telah mati. Hati mula berasa tidak sedap kerana setahunya bateri telefon telah dicasnya penuh semalaman.

X. S berasa ada sesuatu yang sedang bergerak di atas sofa yang sedang menampung jasadnya itu.

Y. S terjaga daripada tidurnya setelah dikejutkan dengan bunyi yang bertalu-talu daripada jam telefon pintarnya. Tandanya dia perlu segera bangun dan

Z. ...

Air mata dan secawan kopi

Enaknya kau nikmati
aroma kopi Black Ivory
di kafe PWTC sambil mengenyit mata
di kaki limanya bercelecer air mata
sudah tertumpah bersama kesipuan
kerapuhan kata menikam jiwa
setelah puluhan tahun disemai
dalam wadah asobiyyah
hari ini aroma Black Ivory
menyapu luka silaturrahim
tanpa sesal

Shafei al-Samadi

EDARAN SELANGOR DIGITAL

#welovePJ
14 SEPTEMBER – 11 OKTOBER 2020

Oleh **Nazli Ibrahim**
Foto **Asri Sapfie**

Kekayaan lebur diburu ceti

Merangkak keluar derita

Pernah memiliki pusat kecantikan dan kilang besi, kehidupan Rohana Yusuf dan suami agak mewah, bahkan mereka memiliki tiga kereta berjenama termasuk Mercedes Benz dan motosikal berkuasa tinggi.

Namun, semuanya lebur angkara suaminya berhutang dengan ceti haram sebanyak RM500,000. Rumah mereka juga beberapa kali disimbah cat merah. Selain malu dengan jiran, hidup mereka diselubungi ketakutan.

Keperitan hidupnya berlarutan sekalipun telah berpisah dengan suaminya. Cubaan Rohana untuk bekerja di ladang kelapa sawit milk adiknya di kampungnya di Felda Chemomoi, Bentong, Pahang tidak membuahkan hasil yang diharap-harapkan.

Rohana berpindah ke Shah Alam dan bekerja sebagai kerani. Namun, kepayahan masih mengekorinya. Selepas beberapa bulan sewa rumah tertunggak, beliau dihalau dan terpaksa merempat tidur di pejabat bersama anak berusia 13 tahun.

"Malam dia tidur bersama saya di bawah meja di pejabat, siang dia bersekolah. Selepas habis sekolah, dia duduk bersendirian di kawasan berhampiran pejabat saya menunggu habis kerja," katanya.

Lantaran melarat, dua lagi anaknya diserahkan kepada bekas suami. Sedih tetapi Rohana tiada pilihan, tidak seperti sekarang, kehidupannya walau sederhana tetapi kebahagiaannya mampu dikongsi bersama orang lain menerusi kaca televisyen berkat kejayaan perniagaan kerepek pisangnya.

Bantuan mentua

Selepas berkahwin kali kedua, beliau memulakan perniagaan kerepek pisang tanduk pada 2017 menggunakan resipi ibu mentuanya atas jenama Jodeen Kerepek Panas. Sebelum ini, Rohana, 40, dan suami, Rizaludin Hassan, 32, bekerja dengan mereka dengan upah RM50 sehari.

Berbekal modal RM500 pemberian mentua, Rohana membeli 50kg pisang tanduk berkualiti tinggi untuk berniaga di pasar Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) di Shah Alam. Kerangupan kerepek itu, kepingannya yang nipis berhasil menggamit ramai pelanggan.

Rohana, 40, bertekad untuk tidak lagi mengulangi kepedihan kehidupan lalu. Tidak sanggup lagi beliau mendengar rengekan anak kelaparan dan kehausan ketika di dalam bas kerana tiada duit ketika pulang ke Pahang dahulu.

Beliau tidak rela lagi anaknya tidur bawah meja pejabat, makan minum tidak menentu hingga mereka terpaksa berkongsi sebungkus nasi buat menggalas perut.

Rohana berazam memajukan lagi perniagaannya. Beliau dan suami memutuskan untuk memohon pinjaman RM30,000 menerusi program Teraju Ekonomi Asnaf (Teras) kendalian Lembaga Zakat Selangor (LZS).

> Rohana mahu memajukan lagi perniagaannya. Beliau dan suami memutuskan untuk memohon pinjaman RM30,000 menerusi program Teraju Ekonomi Asnaf (Teras) kendalian Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Kini, jualan kerepeknya kian melonjak, bahkan mereka memerlukan antara 2,000 hingga 3,000kg pisang tanduk setiap bulan bagi memenuhi permintaan pelanggan.

Dijemput TV3

Pada hujung minggu, jualannya boleh mencecah RM1,000 ketika berniaga di program jualan Fama di Seksyen U12, Shah Alam pada pagi diikuti petangnya di pasar malam Puncak Alam, Kuala Selangor.

Jualan hari lain pula antara RM700 hingga RM800 sehari. Selain turut memasarkan produk ke dalam talian, beliau juga berniaga di Pasar Malam Taipan dan Pasar Malam Seksyen 17, Shah Alam

Kegigihan Rohana menjadikan jenama kerepeknya kian hari kian terkenal sehinggakan mereka dipanggil TV3 untuk muncul dalam rancangan Wanita Hari Ini.

Bagi Rohana, walaupun kehidupannya kini tidaklah semewah dahulu, namun beliau bersyukur kerana kehidupannya kini jauh lebih baik, tenang dan cukup untuk keperluan keluarganya.

"Dahulu memang agak mewah tetapi hati tidak tenang dan segembira sekarang. Pengalaman saya lalui banyak mengajar saya dan semoga dapat dijadikan iktibar khususnya usahawan muda lain," katanya.

EDARAN SELANGOR

Potongan kompaun 50 peratus

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengadakan Kempen Pengurangan Kompaun sehingga 50 peratus sempena sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Shah Alam ke-20 bermula 1 hingga 30 Oktober.

Datuk bandar, Dato' Haris Kasim berkata jenis kompaun adalah Undang-undang Kecil (UKK) Kedai Gunting Rambut 1983, UKK Taman 2005, UKK Vandalisme 2005, UKK Establisymen Makanan, UKK Pengendali Makanan, UKK Iklan, UKK Penjaja, UKK Pasar dan Perintah Pengangkutan Jalan 2007.

Orang ramai boleh membuat bayaran di kaunter utama Wisma MBSA Seksyen 14 serta pejabat MBSA cawangan Sungai Buloh, Kota Kemuning dan Setia Alam.

"Kompaun kesalahan tempat letak kereta pula boleh dibayar melalui Maybank2U, kaunter Bank Muamalat dan Bank Rakyat. Bayaran juga boleh dibuat menerusi JomPAY," katanya pada 29 September.

Semak, tukar status premis dalam talian

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) memperkenalkan sistem We Care Online bagi memudahkan orang awam menyemak maklumat taska, tadika dan pusat jagaan.

Yang dipertuanya berkata sistem dalam talian itu menggantikan kaedah manual juga membenarkan pengusaha premis memohon penukaran kegunaan bangunan kediaman pada bila-bila masa.

"Pengusaha juga dapat mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan secara percuma menerusi sistem yang berkuat kuasa Oktober lalu.

"Orang awam juga dapat melihat dan menyemak maklumat kelulusan taska, tadika serta pusat jagaan sebelum membuat pemilihan premis yang bersesuaian," kata Dato' Zul-kefli @ Zulkefli Khalid pada 25 September.

MBPJ kumpul data skim strata

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melancarkan Sistem Pengurusan eCOB berasaskan portal bagi mengumpul dan menyimpan data skim strata bersepadu perumahan bertingkat secara dalam talian.

Datuk bandarnya berkata sistem itu memudahkan Unit Pesuruhjaya Bangunan MBPJ memantau pelaksanaan tempoh mesyuarat agung tahunan dan laporan kewangan badan pengurusan bersama atau komuniti.

"Sistem ini boleh dijadikan satu pembaharuan dalam urusan pentadbiran penyampaian perkhidmatan kerana ia merupakan sistem yang lebih berkesan dan sistematik serta mudah untuk diuruskan," kata Dato' Mohd Sayuthi Bakar pada 24 September lalu.

Laman berkenaan boleh dilayari di https://skep.lphs.gov.my/mbpj. Maklumat lanjut boleh hubungi talian 03-7960 1646.

Laluan pejalan kaki USJ10 makin baik

OKU rasa selamat

Orang kelainan upaya mencuba laluan baru yang di bina MPSJ di Pusat Perniagaan USJ 10, Subang Jaya pada 24 September

OLEH **NADIAH ZAMLUS**

SUBANG JAYA - Golongan orang kelainan upaya (OKU) kini berasa lebih selamat susulan laluan pejalan kaki di USJ10 di sini dinaik taraf.

Wong Yeong Chieng, 39, yang cacat penglihatan gembira dengan usaha Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) untuk kemudahan mereka.

Beliau juga berharap majlis berkenaan terus memantau laluan lain untuk dinaik taraf supaya mereka berasa lebih selesa.

"Saya gembira laluan ini semakin baik. Saya pernah jatuh dua kali kerana struktur pejalan kaki yang rosak. Akibatnya, saya luka di dahi," katanya selepas sidang media Naik Taraf Infrastruktur Pusat Perniagaan USJ10 di ibu pejabat MPSJ pada 24 September.

Lum Kok Kiang, 59, yang menggunakan kerusi roda pula yakin beliau boleh berdikari jika mahu bersiar-siar di sekitar kawasan tersebut.

"Sebelum ini, cerun jalan untuk laluan OKU agak tinggi. Saya perlukan orang lain untuk bantu tetapi selepas kerja naik taraf selesai, saya boleh ke situ bersendirian," katanya.

Terdahulu, Yang Dipertua MPSJ, Noraini Roslan berkata sebanyak RM1.2 juta diperuntuk bagi menaik taraf laluan pejalan kaki untuk OKU dan warga emas melalui program Bandar Bebas Halangan.

Selain USJ10, ia turut melibatkan kawasan SS15, SS16 dan Puchong Prima.

Belanjawan 2021 MBSA RM498.82 juta

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) membentang anggaran Belanjawan 2021 berjumlah RM498.82 juta dengan jangkaan defisit RM28.06 juta.

Datuk Bandar Shah Alam berkata RM396.14 juta diguna bagi perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan RM130.74 juta manakala defisit ditampung menggunakan rizab MBSA.

"Peruntukan terbesar perbelanjaan mengurus adalah perkhidmatan dan bekalan melibatkan RM307 juta atau 77.5 peratus daripada jumlah keseluruhan.

"Perbelanjaan pembangunan menunjukkan peningkatan sebanyak RM9.7 juta berbanding tahun lalu dengan 56 peratus daripada jumlah peruntukan keseluruhan digunakan bagi projek membina dan menaik taraf bangunan," katanya Dato' Haris Kasim pada 29 September.

Beliau berkata anggaran hasil pada 2021 dijangka meningkat sebanyak 3.8 peratus, daripada RM480.57 juta pada tahun ini kepada RM498.82 juta.

"Cukai taksiran dijangka menyumbang RM323.18 juta atau 64.8 peratus jumlah keseluruhan, hasil bukan cukai (RM166.14 juta atau 33.3 peratus) dan terimaan bukan hasil (RM9.5 juta atau 1.9 peratus)," katanya.

Program kejiranan turunkan kes jenayah

SHAH ALAM - Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) mengurangkan bilangan kes jenayah sebanyak 5.69 peratus tahun lalu.

Statistik yang diperoleh melalui Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) di Petaling Jaya menunjukkan 3,117 kes direkod tahun lalu berbanding 3,305 pada 2018.

"Statistik membuktikan PKKPJ memberi dampak positif terhadap keselamatan kejiranan," maklum Unit Komunikasi Korporat Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada 24 September.

Program itu bertujuan mewujudkan suasana kejiranan yang selamat dengan menggalakkan Persatuan Penduduk RA, Rukun Tetangga (RT) dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) terlibat dalam program itu.

Sebanyak 150 permohonan diterima tahun ini membabitkan 94 RA, 31 RT dan 25 JMB. Insentif RM3,000 disediakan untuk program tersebut.

EDARAN SELANGOR

#welovePJ
14 SEPTEMBER – 11 OKTOBER 2020

Status bandar raya seiring perkhidmatan

SUBANG JAYA - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mahu status bandar raya yang bakal dimilikinya seiring perkhidmatan kepada rakyat, kata yang dipertuanya.

Noraini Roslan berkata pihaknya tidak mahu ada golongan termasuk orang kelainan upaya (OKU) yang keciciran kerana bandar yang baik mudah diakses semua lapisan penduduk.

"Kita perlu menaik taraf laluan untuk OKU tetapi pada masa sama ia boleh digunakan oleh warga emas, ibu bapa yang membawa troli anak dan wanita," katanya pada 25 September.

Beliau menegaskan projek sedemikian dititikberatkan kerana ia memberi kemudahan kepada penduduk termasuk memastikan aspek keselamatan mereka.

Status daripada perbandaran kepada bandar raya berkuat kuasa mulai 20 Oktober selepas mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Elak kes denggi berulang

Pasang penyembur nyamuk automatik

OLEH **NADIAH ZAMLUS**

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) memasang penyembur nyamuk automatik membabitkan dua perumahan di Sungai Long untuk mengelak peningkatan kes denggi.

Yang Dipertuanya Dato' Zul-kefli @ Zulkefli Khalid berkata Evergreen Park Acorn and Hazel merekodkan sembilan kes jangkitan dalam tempoh 42 hari manakala tujuh kes di Evergreen Park Scot Pine dalam tempoh 40 hari, lapor The Star pada 26 September lalu.

"Penyembur akan membuat semburan automatik pada jam 6.30 pagi, 6 petang dan tengah malam. Dengan ini, kita mengurangkan penggunaan tenaga kerja dan kos pengangkutan ke lokasi," katanya.

Beliau menjelaskan penggunaan Sistem Mistaway adalah inisiatif baru MPKj dengan kerjasama Sumitomo Chemical Enviro-Agro Asia Pacific Sdn Bhd yang menyediakan mesin dan racun serangga.

Katanya, mesin berkenaan pernah digunakan di Flat Baiduri dan Bandar Tasik Kesuma, Kajang selepas ia dikenal pasti sebagai lokasi panas denggi selama enam bulan.

Zulkefli menambah Hulu Langat merekodkan kes denggi kedua tertinggi di Selangor iaitu 7,723 kes dengan tiga kematian antara Januari hingga 12 September lalu.

Jumlah berkenaan berkurangan 30.4 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Penyembur akan membuat semburan automatik pada jam 6.30 pagi, 6 petang dan tengah malam. Dengan ini, kita mengurangkan penggunaan tenaga kerja dan kos pengangkutan ke lokasi

ZULKEFLI KHALID
Yang Dipertua MPKj

MPKj sita lima lori buang sampah haram

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) menyita lima lori dan mengeluarkan 15 notis kompaun atas kesalahan membuang sampah setakat 18 September lalu.

Yang dipertuanya berkata jumlah sitaan melalui operasi Gempur Pembuangan Sampah Haram berkurangan berbanding Ogos lalu yang membabitkan tujuh lori.

"MPKj memanjangkan tempoh sitaan kali pertama daripada seminggu kepada sebulan bagi memberi pengajaran kepada pesalah.

"Kita akan terus membanteras kegiatan pembuangan sampah secara haram bagi memastikan ia dapat diselesaikan dan kualiti hidup masyarakat ditingkatkan," kata Dato' Zul-kefli @ Zulkefli Khalid pada 25 September.

Tindakan sita dan kompaun diambil mengikut Undang-undang Kecil (UUK) 4 dan 13 (1) pembuangan, pemungutan dan pelupusan sampah sarap MPKj 2007.

Setakat ini, MPKj menyita 71 lori dengan jumlah tertinggi direkod pada Januari membabitkan 16 sitaan.

Terbit buku bandar rendah karbon

KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) komited untuk menjayakan agenda daerah itu sebagai Bandar Rendah Karbon (LCC) menjelang 2027.

Yang Dipertua Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin berkata hasrat itu diterjemah dengan penerbitan buku laporan Pelan Tindakan Program Bandar Rendah Karbon Selaras Dengan Matlamat Pembangunan Mampan (LCC SDG) 2020-2022 dan buku laporan Tindakan SDG MPK.

"Buku laporan pelan tindakan ini mengandungi perancangan untuk jangka masa pendek 2020-2022 yang melibatkan semua Jawatankuasa Agenda Tempatan (LA21) Klang Smart Mampan," katanya pada 29 September.

Beliau menjelaskan, semua 14 agensi kerajaan, 141 sekolah dan institusi keagamaan yang terlibat telah melaksanakan Program Bandar Rendah Karbon.

Mangsa ribut dapat bantuan

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menghulurkan bantuan kepada penduduk yang terjejas akibat ribut pada 22 September.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Sepang berkata Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Sepang melakukan bancian bagi mendapatkan jumlah sebenar kerosakan.

Mohamad Zain A Hamid berkata bancian dilakukan bagi memastikan tiada ketirisan penyaluran bantuan kepada mangsa yang benar-benar layak.

"Ini untuk tujuan permohonan Wang Ikhsan Tabung Bencana Negeri Selangor dan lain-lain bantuan yang wajar diterima mangsa bencana tersebut," katanya pada 25 September.

Lancar bahan rujukan Batu Caves

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) melancarkan buku bertajuk Batu Caves yang akan diserahkan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) sebagai rujukan.

Buku setebal 116 halaman mengandungi penerangan dan maklumat saintifik kepelbagaian biodiversiti serta spesies flora dan fauna di kawasan tersebut, lapor Sinar Harian.

"Saya berharap buku ini dapat dijadikan bahan rujukan yang berguna kepada semua lapisan masyarakat," kata Yang Dipertuanya Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor ketika merasmikan program Simposium Ekspedisi Saintifik Batu Caves PPAS daerah Gombak pada 26 September.

Shamsul Shahril berkata simposium itu mendedahkan masyarakat mengenai fungsi biodiversiti batu kapur dan menyuntik kesedaran memelihara nilai sejarah serta budaya untuk generasi akan datang.

EDARAN DIGITAL SELANGOR

Bantu anak asnaf hadapi peperiksaan

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menganjurkan program Pecutan Akhir SPM untuk membantu persediaan anak-anak asnaf di Bait Al-Hasanah menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Agensi itu berkata pihaknya inisiatif dilaksana bagi mengubah nasib mereka pada masa depan menerusi pendidikan.

"Program ini bertujuan memberi panduan dan tips menjawab soalan peperiksaan secara menyeluruh, membantu mengenal pasti kelemahan dan meningkatkan pencapaian serta menerangkan strategi menjawab soalan," katanya pada 25 September.

LZS berharap lebih ramai golongan dapat menunaikan zakat pada masa depan bagi membolehkan lebih ramai asnaf dibantu.

"Mereka boleh berkunjung ke cawangan berdekat dan dengan cara lebih mudah serta pantas menerusi pautan fpx.zakatselangor.com.my," katanya.

TREK bimbing 200 calon, lepasan SPM

KLANG - Seramai 200 calon dan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sentosa mendapat bimbingan menerusi program 'TREK' yang diperkenal hujung Julai lalu.

Ahli Dewan Negerinya G Gunarajah berkata inisiatif itu membantu membimbing pelajar untuk mendapat tempat ke institut pengajian tinggi awam (IPTA).

"Program ini diadakan setiap minggu pada Selasa bermula jam 7 petang di Pusat Khidmat Masyarakat DUN Sentosa, malah kira-kira 50 pelajar SPM menyertai seminar berkaitan," katanya pada pelancaran Cakna Siswa dan Pusat Pembangunan Komuniti pada 26 September.

Beliau menambah program itu akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa selaras hasrat Kerajaan Negeri untuk melahirkan modal insan berkualiti tinggi.

Penuntut wanita sertai kem motivasi

SHAH ALAM - Seramai 35 penuntut wanita Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) dan Kolej Antarabangsa Intra menyertai program Kem Motivasi Remaja 'Zero to Hero' di Kem Lambaian Danau, Jasin, Melaka dari 17 hingga 19 September.

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) memaklumkan acara tahunan anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat MDKS bertujuan melatih ketahanan mental dan fizikal pelajar.

"Kita mahu mereka (wanita) sentiasa berani, tabah, tahan lasak dan berkeyakinan tinggi bagi menghadapi masa hadapan yang mencabar," kata majlis berkenaan pada 25 September.

Acara tersebut turut mengeratkan hubungan dalam kalangan pelajar berbilang kaum melalui pelbagai aktiviti dan memupuk semangat kerjasama, tolong-menolong dan setia kawan serta bertolak-ansur.

Pelbagai inisiatif dilaksana

75,000 graduan terjejas peluang kerja

BANGI - Kira-kira 25 peratus atau 75,000 orang daripada 300,000 graduan pada tahun ini diunjurkan terjejas peluang mendapatkan pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian, akibat impak Covid-19, kata Menteri Pengajian Tinggi Datuk Dr Noraini Ahmad.

Beliau berkata Kajian Pengesanan Graduan 2019 yang dilaksanakan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menunjukkan 41,161 graduan pada tahun lepas masih belum bekerja, dan dengan unjuran 75,000 bagi tahun semasa, maka dianggarkan 116,161 graduan perlu diberikan perhatian untuk kebolehpasaran mereka.

Berucap pada pelancaran Pelan Jana Semula Ekonomi Negara Kementerian Pengajian Tinggi-Career Advancement Programme (Penjana KPT-CAP) oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 28 September lalu, beliau berkata KPT mengambil beberapa ikhtiar untuk membantu graduan terjejas.

"Ini termasuklah menyediakan kemudahan bantuan dana kepada mereka yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi, termasuklah inisiatif MyBrain Science; Biasiswa Menteri Pengajian Tinggi dan Bantuan Kewangan pelajar orang kelainan upaya (OKU)," katanya selain mencadangkan penerusan pelaksanaan program MyBrain 15.

Noraini berkata, KPT juga melaksanakan proses padanan pekerjaan kepada graduan yang masih belum bekerja dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menerusi portal MYFutureJobs, selain memperkenalkan Skim Pembiayaan Mikro dengan kerjasama Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional) bagi membantu mahasiswa mengembangkan perniagaan.

Beliau berkata KPT akan memeterai memorandum persefahaman dengan Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) dimana PUNB akan membiayai program keusahawanan berkonsepkan mentor-mentee, untuk membolehkan bimbingan secara langsung daripada usahawan yang berjaya.

"Kementerian yakin inisiatif seumpama ini mampu memberikan impak dan nilai tambah kepada graduan, terutamanya dalam menangani isu kebolehpasaran graduan," katanya. – BERNAMA

Pendidik lafaz ikrar bebas rasuah

SHAH ALAM - Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) melafazkan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) sebagai usaha memerangi gejala rasuah supaya tidak menular dalam kalangan warga pendidik.

Lafaz ikrar diketuai Ketua Eksekutif STDC Mohd Asyraf Amin bersama kakitangan disaksikan Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor, Dato' Alias Salim pada 25 September.

"Seluruh pekerja mesti menjadikan agenda integriti sebagai teras utama dalam menjalan tugas harian dan tidak terlibat dengan rasuah sama ada memberi atau menerima yang boleh menjejaskan imej serta reputasi STDC," katanya selepas Majlis IBR di auditorium pusat kemahiran itu di Kuala Selangor.

"Kami juga berikrar memberi kerjasama sepenuhnya kepada SPRM bagi mengelak rasuah dan penyalahgunaan kuasa."

Mohd Asyraf (dua, kanan) ditemani Alias Salim bersama kakitangan STDC mempamerkan dokumen IBR yang telah ditandatangani

Makluman Alamat Baharu

MediaSelangor

Media Selangor Sdn Bhd
(dahulu dikenali Communication Corporation Sdn Bhd) berpindah ke

Aras 11 Menara Bank Rakyat,
No.1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor

T +603 5523 4856 F +603 5523 5856 E info@mediaselangor.com

EDARAN DIGITAL SELANGOR

#welovePJ
14 SEPTEMBER – 11 OKTOBER 2020

Mais terima dividen Teras RM54,814

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menerima dividen bagi tahun 2019 daripada Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. (Teras) berjumlah RM54,814.

Penyampaian serahan cek cura disempurnakan oleh Lembaga Pengarah Teras Dato' Bakhtiar Hussin, Ahli kepada Pengerusi Mais Dato' Setia Mohammed Khusrin Munawi.

Berdasarkan Laporan Kewangan dan Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019, Teras mencatat keuntungan bersih sebanyak RM219,259 bagi akaun korporat.

Antara aktiviti perniagaan yang dijalankan adalah pembekalan hamper makanan kering bagi program korporat, pakaian seragam dan keperluan persekolahan, perkhidmatan bimbingan jahitan serta kerjasama strategik bagi melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat.

Teras merupakan anak syarikat Mais yang beroperasi sejak 2011 untuk menguruskan pembangunan usahawan asnaf dan latihan keusahawanan di samping menyediakan bantuan modal perniagaan serta peralatan kepada yang layak.

Bakhtiar (kanan) menyerahkan cek cura pembayaran dividen tahun 2019 kepada Mohammed Khusrin pada 29 September

Selain itu, Teras juga menguruskan pengagihan bantuan makanan bulanan serta seragam sekolah kepada asnaf fakir dan miskin seliaan Lembaga Zakat Selangor.

Rekrut pengikut dalam talian

Elak terjerumus fahaman ekstrem

SHAH ALAM - Orang ramai disaran memantau tingkah laku ahli keluarga dan rakan di laman maya dalam usaha mengekang penularan fahaman ekstrem oleh kumpulan pengganas yang cuba meningkatkan bilangan pengikutnya.

Majlis Agama Islam Selangor (Mais) berkata, kumpulan pengganas yang menggunakan nama Gerakan Negara Islam di Iraq dan Syria (ISIS) atau al-Dawla al-Islamiya Fi Iraq Wa al-Sham (Daesh) memanfaatkan kemajuan tekonologi.

"Sebuah kajian mendedahkan, kaedah yang dilakukan oleh pengganas iaitu daripada sekadar sebuah kumpulan kecil kepada pertubuhan yang mempunyai jaringan antarabangsa adalah disebabkan kemajuan teknologi, akses pengangkutan yang lebih mudah dan dana yang banyak.

"Kombinasi itu membolehkan kumpulan pengganas membuat perancangan dan strategi yang tersusun bagi menjalankan aktiviti mereka termasuklah dengan menjalankan propaganda dan usaha merekrut anggota baharu atau menarik simpati orang lain," menurut agensi itu pada 28 September lalu.

Mais dalam kenyataan sama berkata perekrut dalam talian ISIS beroperasi menggunakan sekurang-kurangnya 25 bahasa.

"Mereka (ISIS) mengenal pasti dan mengetahui keperluan khusus mangsa dengan mewujudkan hubungan akrab dan mahir menjanjikan martabat, status pejuang, cinta atau apa sahaja jika turut serta menyerang atas nama ISIS dan melakukan apa sahaja untuk perjuangan mereka," katanya.

Pada Mac dan Mei lalu, Mais berkata ISIS mengeluarkan video propaganda mengenai pencapaian medan perang mereka di Syria dan Iraq.

Menurut agensi itu lagi, mereka menggunakan video propaganda, kandungan penulisan secara profesional dan memperalatkan mekanisme media sosial untuk menarik perhatian.

Forum perdana, kursus haji dibenarkan

SHAH ALAM - Forum perdana dan kursus haji serta umrah kembali dibenarkan di masjid dan surau di negeri ini berkuat kuasa 24 September.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) berkata keputusan dibuat selepas penularan Covid-19 dapat dikawal selain pematuhan kendiri dan tatacara operasi piawai (SOP) jemaah pada tahap memuaskan.

"Ini mewajarkan program mengimarahkan masjid dipertingkat, diperluas dan dipelbagaikan mengikut kepunyaan masing-masing. Program boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian.

"Bagaimanapun, semua masih tertakluk dengan SOP sebelum ini selari dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Disember ini," kata Mohd Shahzihan Ahmad pada 24 September.

Beliau berkata penganjur, jawatankuasa atau penceramah diminta mengingatkan jemaah supaya mematuhi SOP di awal program.

"Makanan perlu dibungkus untuk jemaah bawa pulang dan makanan secara hidang masih tidak dibenarkan," katanya.

Program lain yang turut dibenarkan adalah pengajian bersijil dan bermodul, kelas tambahan akademik remaja, program Daurah Bedah Kitab, ceramah khas serta diskusi, program remaja ketika cuti persekolahan dan mesyuarat agung tahunan atau mesyuarat khas masjid dan surau.

Kios, koperasi dan kedai mini yang ada dalam kawasan berkenaan juga dibenarkan kembali beroperasi.

34 peserta LGBT dibimbing

SHAH ALAM - Seramai 34 golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) mengikuti program Penghayatan Islam Komuniti Disayangi anjuran Majlis Agama Islam Selangor (Mais) di sebuah hotel di sini pada 26 dan 27 September lalu.

Program dua hari satu malam bertujuan memberi bimbingan, pemulihan dan perawatan spritual secara menyeluruh kepada golongan berkenaan.

"Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program berlangsung adalah solat berjemaah, tazkirah dan taklimat spritual Islam.

"Semoga program yang dianjurkan ini, dapat mengubah tanggapan negatif masyarakat terhadap komuniti ini dalam membantu menjadi muslim yang taat pada agama dan berjaya di masa akan datang," menurut agensi itu pada 28 September.

Pada 2019, seramai 497 golongan LGBT dipulihkan melalui dan bimbingan dengan peruntukan zakat asnaf al-Riqab.

Mais menyeru semua individu muslim yang terlibat dengan masalah akidah dan sosial untuk menyertai program pemulihan yang terdapat di rumah pemulihan berdaftar dengan menghubungi Bahagian Pemulihan al-Riqab Mais di talian 03-3361 4080.

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
01 Khamis	5:43	5:53	6:59	1:06	4:16	7:07	8:16
02 Jumaat	5:43	5:53	6:59	1:05	4:16	7:07	8:15
03 Sabtu	5:43	5:53	6:58	1:05	4:16	7:06	8:15
04 Ahad	5:42	5:52	6:58	1:05	4:16	7:06	8:15
05 Isnin	5:42	5:52	6:58	1:04	4:17	7:05	8:14
06 Selasa	5:42	5:52	6:58	1:04	4:17	7:05	8:14
07 Rabu	5:42	5:52	6:57	1:04	4:17	7:05	8:14

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
01 Khamis	5:46	5:56	7:01	1:08	4:19	7:10	8:19
02 Jumaat	5:46	5:56	7:00	1:08	4:19	7:09	8:18
03 Sabtu	5:45	5:55	7:00	1:08	4:19	7:09	8:18
04 Ahad	5:45	5:55	7:00	1:07	4:19	7:08	8:17
05 Isnin	5:45	5:55	7:00	1:07	4:20	7:08	8:17
06 Selasa	5:45	5:55	6:59	1:07	4:20	7:08	8:17
07 Rabu	5:45	5:55	6:59	1:07	4:20	7:07	8:16

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
01 Khamis	5:44	5:54	7:00	1:06	4:16	7:08	8:17
02 Jumaat	5:43	5:53	7:00	1:06	4:16	7:07	8:16
03 Sabtu	5:43	5:53	6:59	1:06	4:16	7:07	8:16
04 Ahad	5:43	5:53	6:59	1:05	4:16	7:06	8:15
05 Isnin	5:43	5:53	6:59	1:05	4:17	7:06	8:15
06 Selasa	5:42	5:52	6:59	1:05	4:17	7:06	8:15
07 Rabu	5:42	5:52	6:58	1:04	4:17	7:05	8:14

EDARAN DIGITAL SELANGOR

RM150,000 untuk 860 pesakit

RAWANG - Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis) memperuntuk lebih RM150,000 untuk disalur kepada 860 pesakit membabitkan 43 Dewan Undangan Negeri (DUN).

Yang Dipertuanya, Datin Seri Masdiana Muhamad berkata bantuan program Ziarah Medik bertujuan meringankan kos membeli ubatan. Fasa pertama baru selesai manakala fasa kedua bermula November depan.

"Setiap DUN memilih 20 pesakit susah untuk dibantu. Penerima juga mendapat sumbangan dari Pusat Khidmat Masyarakat DUN masing-masing," katanya pada 25 September.

Masdiana berkata Pekawanis juga akan mengagihkan bantuan sempena sambutan Hari Deepavali dan program Kembali ke Sekolah awal tahun hadapan.

Pegawai LZS cawangan Sabak Bernam melawat Anuar dan Siti Rohani bagi mengenal pasti bentuk bantuan untuk keluarga berkenaan

LZS kenal pasti bantuan sesuai

Asnaf jaga kakak sakit kronik dibantu

OLEH **AMIN REDZUAN ISHAK**

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) berusaha membantu meringankan beban seorang buruh yang menjaga kakaknya, penghidap penyakit kencing manis kronik di muka dan belakang kepala.

Mereka bercadang menyalur bantuan saraan dan keperluan perubatan kepada Siti Rohani Ismail yang dijaga Anuar sejak 17 September lalu berikutan wanita itu kini terlantar.

"Selepas keluar hospital bagi pembedahan membuang daging pipi yang bernanah, mereka terpaksa tinggal bersama Anuar kerana pergerakan terbatas.

"Anuar bersama-sama adik beradik lain bergilir menjaga dan membantu mencuci luka kesan komplikasi diabetes dialami kakaknya," kata agensi itu pada 25 September lalu.

Anuar yang tinggal di Sungai Besar turut menjaga suami Rohani, warga emas yang tidak bekerja.

Pakej iklan terbaik

200,000 naskhah* setiap minggu

MediaSelangor

HUBUNGI KAMI

Nadhrah Azlan nadhrah@mediaselangor.com
Syahir Khadri syahir@mediaselangor.com

03-5523 4856
03-5523 5856
info@mediaselangor.com

Media Selangor Sdn Bhd
anak syarikat Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI)
Aras 11 Menara Bank Rakyat
No. 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14
40000 Shah Alam

* Edisi bahasa Melayu diedar seluruh Selangor
Tidak termasuk:
70,000 naskhah edisi Mandarin (dwimingguan)
70,000 naskhah edisi Inggeris (bulanan)
50,000 naskhah edisi Tamil (bulanan)

Baca edisi e-akhbar kami di selangorkini.my/e-selangorkini/

#welovePJ
14 SEPTEMBER – 11 OKTOBER 2020

Kembali ke gelanggang selepas pulih kecederaan

Zii Jia fokus persiapan ke Olimpik

KUALA LUMPUR - Pembatalan beberapa kejohanan badminton antarabangsa tahun ini susulan Covid-19 memberi peluang terbaik kepada pemain perseorangan lelaki utama negara Lee Zii Jia, memantapkan persediaannya sebelum menyertai Sukan Olimpik Tokyo tahun depan.

Pemain berusia 22 tahun itu memaklumkan, beliau sudah pulih sepenuhnya daripada kecederaan belakang yang dialaminya ketika menyertai Kejohanan Jemputan Persatuan Badminton Malaysia di Akademi Badminton Malaysia (ABM), pada Ogos lalu dan kembali menjalani latihan seperti biasa sejak awal September.

Beliau mengakui pembatalan beberapa kejohanan antarabangsa termasuk Piala Thomas akibat pandemik itu memberi tekanan mental kepada barisan pemain negara, yang memerlukan lebih banyak kejohanan bagi mengekalkan prestasi masing-masing.

"Ini kali pertama saya merasai pengalaman sebegini (ketiadaan kejohanan dalam tempoh panjang).

"Sejujurnya saya bosan sebab tiada kejohanan, ini sedikit sebanyak menjejaskan mental pemain," katanya pada 28 September.

"Saya akan berbincang dengan barisan kejurulatihan mengenai perancangan selepas ini dalam tempoh terdekat, sama ada memperbanyakkan aktiviti di luar sebelum kembali ke gelanggang," kata pemain kelahiran Kedah itu.

Pencapaian terbaik Zii Jia pada musim ini adalah mara ke separuh akhir Kejohanan Badminton Masters Malaysia di Arena Axiata, Bukit Jalil pada Januari lalu.

Persekutuan Badminton Antarabangsa (BWF) sebelum ini membuat keputusan menangguhkan saingan Piala Thomas dan Uber yang sepatutnya berlangsung di Aarhus, Denmark dari 3 hingga 11 Oktober ini ke tahun hadapan susulan Covid-19.

Sukan Olimpik 2020 yang dijadual berlangsung dari 24 Julai hingga 9 Ogos turut ditunda kepada 23 Julai hingga 8 Ogos 2021 akibat pandemik tersebut. - BERNAMA

Atlet terjun negara (dari kanan), Ooi Tze Liang, Chew Yiwei, Wendy Ng Yan Yee dan Jasmine Lai Pui Yee menunjukkan pingat yang dimenangi mereka dalam acara terjun di Sukan SEA 2019 Filipina pada 6 Disember 2019. Foto BERNAMA

Hantar atlet muda ke Sukan SEA

KUALA LUMPUR - Majlis Olimpik Malaysia (MOM) akan menukar kriteria pemilihan atlet ke temasya Sukan SEA 2021, sekiranya cadangan menghantar atlet muda ke sukan dwitahunan itu direalisasikan.

Mengikut kriteria kelayakan sebelum ini, atlet sekurang-kurangnya perlu mengatasi catatan dilakukan pemenang pingat gangsa pada Sukan SEA terdahulu, namun kriteria itu perlu dipinda jika atlet muda atau atlet daripada Sukan Malaysia (SUKMA) dihantar mewakili negara di Sukan SEA Vietnam pada November 2021.

Presiden MOM Tan Sri Mohamad Norza Zakaria berkata pindaan itu akan dimuktamadkan menjelang akhir tahun ini menerusi perbincangan dengan Majlis Sukan Negara (MSN), berdasarkan input dan maklum balas yang diterima MOM selepas mengadakan pertemuan empat mata secara berasingan dengan semua persatuan sukan kebangsaan (NSA) baru-baru ini.

"Cadangan sama ada hendak menghantar atlet muda telah mencetuskan perbahasan kerana Sukan SEA adalah sukan pembangunan dan persahabatan. Ada NSA yang bersetuju, ada yang tidak dan ada yang mahu menggabungkan atlet senior dan junior.

"Kalau kita mahu pertaruhkan atlet muda, tentu kita kena ubah kriteria itu. Kriteria yang dipinda itu akan kita wujudkan menjelang akhir tahun ini, ketika Vietnam mengesahkan senarai sukan yang akan dipertandingkan," katanya pada 26 September.

Vietnam dijangka mengumumkan senarai acara yang akan dipertandingkan pada Sukan SEA Hanoi November ini, selepas menerima rayuan daripada negara bertanding untuk menambah beberapa jenis sukan dan acara daripada 36 jenis sukan yang diumumkan sebelum ini. - BERNAMA

Mirnawan urus skuad hoki lelaki

KUALA LUMPUR - Ikon hoki negara Datuk Mirnawan Nawawi dilantik sebagai pengurus pasukan lelaki negara berkuat kuasa serta-merta bagi membantu ketua jurulatih Arul Selvaraj sehingga Sukan Olimpik Paris 2024.

Presiden Konfederasi Hoki Malaysia (KHM) Datuk Seri Subahan Kamal mengesahkan pelantikan itu selepas mempengerusikan mesyuarat lembaga pengarah eksekutif badan induk hoki negara itu di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil pada 26 September.

"Sudah tiba masanya kita kembali ke era dahulu apabila ikon hoki diberikan tanggungjawab mengemudikan pasukan kebangsaan.

"Sebelum ini, kita lantik jurulatih sebagai pengurus pasukan tapi kita merasakan sistem tersebut tidak memberi kesan positif kerana peranan jurulatih dan pengurus berbeza. Pengurus lebih kepada motivasi, jurulatih lebih kepada taktikal," katanya. – BERNAMA

KERAJAAN NEGERI SELANGOR
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor dan perunding yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunaan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan berikut :

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN	NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK	TARAF	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
Bhg. Ukur Bahan dan Kontrak JPS Negeri Selangor	JPS/N/SEL/SG/03/2020 KERJA-KERJA MENAIKTARAF ANAK SUNGAI UDANG DI JALAN SUNGAI TUA BAGI MENGATASI MASALAH BANJIR DI PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT BUKIT BOTAK, MUKIM BATU, DAERAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN.	Bumiputera	Berdaftar Dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Dan Sijil Taraf Bumiputera Yang Masih Sah. **Gred : G4 Kategori : CE Pengkhususan: CE21 DAN CE36** Kontraktor hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS)	Kaunter Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor. **09HB OKTOBER 2020** hingga **30HB OKTOBER 2020**	**RM 350.00,** Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (Kiriman Wang/ Bank Draf/ Wang Pos)	Peti Tender, Bhg. Ukur Bahan & Kontrak, JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor. **30HB OKTOBER 2020 (Jumaat)** Jam 12.00 tengahari

Taklimat dan Lawatan pada : **08HB OKTOBER 2020 (KHAMIS)**. Masa : **10.00 pagi.**
Tempat Berkumpul : Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Gombak, Tingkat 3, Bangunan Sultan Sulaiman, 61800, Batu Caves, Selangor

Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** kepada **PENAMA** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Hanya penama di Sijil Akuan pendaftaran syarikat yang boleh menghadiri taklimat. **Syarikat TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PKK, SPKK, PUKONSA atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa Surat Wakil Kuasa, Sijil ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN CIDB, SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN CIDB ATAU SIJIL PENDAFTARAN KEWANGAN SERTA SIJIL TARAF BUMIPUTERA PKK jika berkenaan dan satu SALINAN bagi sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.

Skuad hoki wanita Selangor menduduki tempat kedua Piala Tun Abdul Razak 2020 selepas tewas 2-1 pada perlawanan akhir menentang Pahang pada 26 September lalu

Hoki wanita Selangor baiki kelemahan

Tekad menang emas

OLEH **AMIN RIDZUAN ISHAK**

SHAH ALAM - Kegagalan mempertahankan kejuaraan Piala Tun Abdul Razak 2020 tidak melemahkan semangat skuad hoki wanita Selangor, sebaliknya ia menjadi pendorong bagi meraih emas dalam kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) di Johor.

Jurulatih Ikmal Abdul Jabar berkata anak didiknya mempamer aksi cemerlang sepanjang kejohanan tetapi tewas 1-2 kepada Pahang dalam perlawanan akhir yang berlangsung 26 September lalu.

"Kita menjaringkan gol banyak dan tiada bolos pada peringkat kumpulan. Mungkin pemain sedikit terganggu pada perlawanan akhir menyebabkan lawan menghasilkan gol awal yang cuba kita kejar tetapi gagal.

"Kejohanan itu pengalaman baik untuk kita mengenal pasti kelemahan yang perlu dibaiki bagi menghadapi SUKMA," katanya pada 28 September.

Pada SUKMA di Perak dua tahun lalu, skuad wanita Selangor menamatkan penantian 24 tahun pingat emas dengan menewaskan Sabah 1-0 dalam perlawanan akhir.

SUKMA Johor 2020 yang ditangguh susulan penularan Covid-19 dijadual semula pada 2 hingga 10 April 2021 manakala Para SUKMA pada 8 hingga 13 Mac 2021.

Selangor menyasar kutipan 45 pingat emas, 40 perak dan 40 gangsa.

Red Giants berazam bangkit

SHAH ALAM - Sesi latihan pertama skuad Red Giants kendalian Michael Feichtenbeiner berlangsung baik di Pusat Latihan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) di sini bermula pada 23 September.

Pemangku ketua jurulatih berkata pemainnya mempamer kesungguhan sepanjang latihan dan beliau yakin pasukan akan kembali beraksi lebih baik selepas ini.

"Kita fokus ke hadapan dan pemain juga berada dalam suasana yang tenang sepanjang latihan," kata pengarah taktikal mengambil alih tugas membimbing pasukan berkenaan.

Beliau menjalankan tugas itu sehingga ketua jurulatih baharu dilantik susulan FAS menamatkan kontrak B Sathianathan pada 21 September lalu.

Sementara itu, EXCO Sukan Mohd Khairuddin Othman berharap khidmat pengendali baharu mampu memulihkan kembali semangat skuad Red Giants untuk meneruskan momentum kejayaan.

"Kerajaan Negeri bersama-sama penyokong Merah Kuning akan terus setia selain meletakkan sepenuh kepercayaan terhadap jurulatih baharu untuk menebus kekalahan sebelum ini," katanya.

Mural #SelangorPower tawar hadiah RM4,500

SHAH ALAM - Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor mempelawa orang ramai menyertai pertandingan mural #SelangorPower dengan tema Kecemerlangan Sukan, Atlet dan Generasi Muda Selangor.

Mengikut Facebook MSN negeri, pertandingan terbuka kepada warganegara berumur 19 hingga 40 tahun. Tarikh tutup penyertaan pada 9 Oktober.

Peserta diminta menghantar idea lukisan mural bersaiz A4 (format PDF) berdasarkan skala mural berukuran 2.5 meter tinggi x 5 meter lebar ke e-mel muralselangorpower@gmail.com.

Senarai 15 peserta yang terpilih ke peringkat akhir diumum pada 13 Oktober manakala pertandingan akhir berlangsung pada 24 dan 25 Oktober.

Pemenang hadiah pertama bakal membawa pulang wang tunai RM1,000, kedua (RM800), ketiga (RM600), keempat (RM400), tempat kelima hingga ke-10 (RM200) dan ke-11 hingga ke-15 (RM100).

Keterangan lanjut layari www.msnselangor.gov.my atau imbas Kod QR yang tertera.

Anwar, Zahiril mahu ke Sukan SEA

SHAH ALAM - Dua pemain muda Selangor menyimpan impian besar untuk menyarung jersi skuad kebangsaan Sukan SEA tahun hadapan.

Muhammad Anwar Ibrahim, 21, berkata pengalaman beraksi dengan pemain senior menjadi antara pendorong meningkatkan lagi prestasi sedia ada.

"Sudah tentu semua pemain letak sasaran untuk menyarung jersi negara. Saya juga mendapat pengalaman yang sangat berharga bersama Selangor," kata pemain pertahanan itu pada 23 September seperti di lapor Berita Harian.

Zahril Azri Zabri, 21, turut meluahkan keinginan sama untuk membantu negara di Sukan SEA di Vietnam sebelum menyertai pasukan senior Harimau Malaya.

"Memang itu yang saya sasar sebenarnya sebelum memasuki Selangor," katanya.

Diterbitkan oleh **Media Selangor Sdn Bhd** (sebelumnya dikenali **Communication Corporation Sdn Bhd**), Aras 11, Menara Bank Rakyat, No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,40000 Shah Alam, Selangor.
Dicetak oleh **Print Towers Sdn Bhd**, Balai Berita Shah Alam, No.16, Jalan Astaka U8/88, Seksyen U8, Taman Industri Bukit Jelutong, 40150, Shah Alam, Selangor

EDARAN SELANGOR DIGITAL